(1)

مِنْ عَلاَمَاتِ الْإِعْتِمَادِ عَلَى الْعَمَلِ نُقْصَانُ الرَّجَاءِ عِنْدَ وُجُودِ الزَّلَلِ .

[Sesetengah] daripada tanda-tanda pergantungan (atau persandaraan) kepada amal ialah berkurangnya harapan [kepada Allāh] ketika wujudnya dosa/kesalahan.

(2)

Keinginanmu untuk melakukan *at-tajrīd* (penanggalan, yakni meninggalkan usaha-usaha mencari rezeki) sedangkan Allāh mendirikanmu di dalam *al-asbāb* (sebab-musabab, yakni melakukan usaha-usaha mencari rezeki) adalah termasuk ke dalam syahwat yang tersembunyi.

Dan keinginanmu untuk [berkecimpung di dalam] *al-asbāb* sedangkan Allāh mendirikanmu di dalam *at-tajrīd* pula adalah satu penurunan daripada *himmah* (aspirasi) yang tinggi.

(3)

Kehadapanan/keterdahuluan aspirasi-aspirasi tidak akan dapat mencarikkan tembok-tembok kota takdir.

(4)

أَرِحْ نَفْسَكَ مِنَ التَّدْبِيرِ ، فَمَا قَامَ بِهِ غَيْرُكَ عَنْكَ لَا تَقُمْ بِهِ لِنَفْسِكَ .

Rehatkanlah dirimu daripada mentadbir (yakni bersusah-payah dan merasa risau di dalam mengatur keperluan-keperluan hidup).

Apabila sudah ada yang lain daripadamu yang mendirikannya bagimu (yakni ia sebenarnya telah pun diaturkan oleh Allāh Ta‘ālā), janganlah engkau mendirikannya pula untuk dirimu sendiri.

(5)

Kegigihan usahamu pada [perkara-perkara] yang telah pun dijaminkan untukmu (yakni di dalam urusan-urusan rezeki) di samping kelalaianmu pada [perkara-perkara] yang telah dituntut daripadamu (yakni di dalam mengerjakan ibadat) adalah satu dalil bagi terhapusnya *al-baṣīrah* (penglihatan mata hati) daripada dirimu.

(6)

لاَ يَكُنْ تَأَخُّرُ أَمَدِ الْعَطاَءِ مَعَ الْإِلْحَاحِ فِي الدُّعَاءِ مُوجِباً لِيَأْسِكَ ، فَهُوَ ضَمِنَ لَكَ الْإِجَابَةَ فِيمَا يَخْتَارُهُ لَكَ لاَ فِيمَا تَخْتَارُهُ لِنَفْسِكَ ، وَفِي الْوَقْتِ الَّذِيْ يُرِيدُ لاَ فِي الْوَقْتِ الَّذِيْ تُرِيدُ .

Janganlah kelambatan pemberian kurniaan-kurniaan [daripada Allāh] sedangkan engkau telah bersungguh-sungguh di dalam berdoa, menyebabkan engkau berputus asa.

Kerana, Dia telah pun menjamin akan memperkenankannya, pada apa yang telah Dia pilihkan untukmu, bukan pada apa yang engkau pilihkan untuk dirimu sendiri. Dan pada waktu yang Dia kehendaki, bukan pada waktu yang engkau kehendaki.

(7)

لاَ يُشَكِّكَنَّكَ فِي الْوَعْدِ عَدَمُ وُقُوعِ الْمَوْعُودِ وَإِنْ تَعَيَّنَ زَمَنُهُ لِئَلاَّ يَكُوْنَ ذَلِكَ قَدْحاً فِيْ بَصِيرَتِكَ وَاِخْمَادًا لِنُورِ سَرِيرَتِكَ .

Janganlah engkau menjadi syak mengenai janji itu ketika tiada terjadi yang dijanjikan, sekalipun ia telah ditentukan waktunya, agar tiadalah terjadi dengan demikian itu pengurangan pada *baṣīrah*-mu (penglihatan mata hati) dan pemadaman bagi cahaya *sarīrah*-mu (rahsia batin).

(8)

إِذَا فَتَحَ لَكَ وِجْهَةً مِنَ التَّعَرُّفِ فَلاَ تُبَالِ مَعَهَا إِنْ قَلَّ عَمَلُكَ ، فَإِنَّهُ مَا فَتَحَهَا لَكَ إِلاَّ وَهُوَ يُرِيدُ أَنْ يَتَعَرَّفَ إِلَيْكَ ، أَلَـمْ تَعْلَمْ أَنَّ التَّعَرُّفَ هُوَ مُورِدُهُ عَلَيْكَ وَالْأَعْمَالُ أَنْـتَ مُهْدِيهَا إِلَيْهِ ، وَأَيْنَ مَا تُهْدِيهِ إِلَيْهِ مِمَّا هُوَ مُورِدُهُ عَلَيْكَ ؟

Apabila Dia membukakan untukmu satu perspektif daripada pengenalan (yakni *al-ma‘rifah*), janganlah engkau menghiraukan fakta yang amalmu masih sedikit, kerana tiadalah Dia membukakannya untukmu melainkan kerana Dia ingin memperkenalkan diriNya kepadamu.

Apakah tiada engkau mengetahui bahawa pengenalan itu adalah pemberianNya kepadamu, sedangkan segala amalmu itu adalah hadiahmu kepadaNya? Di manakah [nilai] hadiahmu kepadaNya jika dibandingkan dengan pemberianNya kepadamu?

(9)

تَنَوَّعَتْ أَجْنَاسُ الْأَعْمَالِ لِتَنَوُّعِ وَارِدَاتِ الْأَحْوَالِ .

Jenis-jenis amal itu menjadi pelbagai ragam kerana kepelbagaian ragam *wāridāt al-aḥwāl* (kurniaan-kurniaan yang turun dengan keadaan-keadaan rohani yang tertentu).

(10)

اَلْأَعْمَالُ صُوَرٌ قَائِمَةٌ وَأَرْوَاحُهَا وُجُودُ سِرِّ الْإِخْلَاصِ فِيهَا .

Segala amal itu adalah bentuk-bentuk yang berdiri tegak (yakni adalah seumpama kerangka-kerangka yang tidak bernyawa belaka), sedangkan roh-rohnya pula ialah kewujudan rahsia keikhlasan di dalamnya (yakni tanpa rahsia keikhlasan, segala amal itu adalah bagaikan *lifeless forms* sahaja).

(11)

Tanamkanlah kewujudanmu di dalam bumi ketersembunyian (yakni yang tidak dikenali orang), kerana jika berbuah sesuatu yang tidak ditanam, hasilnya tiadalah sempurna.

(12)

Tiada sesuatu pun yang dapat memanfaatkan kalbu seperti *ʻuzlah* (menjauhkan diri daripada manusia) dan masuk dengannya ke dalam medan refleksi (yakni bertafakur mengenai *al-ḥaqā'iq* dan bukan bertafakur mengenai zatNya).

(13)

كَيْفَ يُشْرِقُ قَلْبٌ صُوَرُ الْأَكْوَانِ مُنْطَبِعَةٌ فِي مِرْآتِهِ ، أَمْ كَيْفَ يَرْحَلُ إِلَى اللهِ وَهُوَ مُكَبَّلٌ بِشَهَوَاتِهِ ، أَمْ كَيْفَ يَطْمَعُ أَنْ يَدْخُلَ حَضْرَةَ اللهِ وَهُوَ لَمْ يَتَطَهَّرْ مِنْ جَنَابَةِ غَفَلَاتِهِ ، أَمْ كَيْفَ يَرْجُوْ أَنْ يَفْهَمَ دَقَائِقَ الْأَسْرَارِ وَهُوَ لَمْ يَتُبْ مِنْ هَفَوَاتِهِ ؟

Bagaimanakah akan dijadikan bersinar sebuah kalbu yang di dalam cerminnya tercetak rupa-rupa bentuk segala makhluk?

Atau bagaimanakah dapat ia belayar menuju kepada Allāh sedangkan ia masih tertambat dengan segala syahwatnya?

Atau bagaimanakah ia boleh melobakan dapat memasuki kehadiran Allāh sedangkan ia masih belum dibersihkan daripada *janābah* (hadas besar) segala kelalaiannya?

Atau bagaimanakah ia boleh mengharap untuk memahami keterperincian rahsia-rahsia sedangkan ia masih belum bertaubat daripada segala kekeliruannya?

(14)

اَلْكَوْنُ كُلُّهُ ظُلْمَةٌ وَإِنَّمَا أَنَارَهُ ظُهُورُ الْحَقِّ فِيهِ ، فَمَنْ رَأَى الْكَوْنَ وَلَمْ يَشْهَدْهُ فِيهِ أَوْ عِنْدَهُ أَوْ قَبْلَهُ أَوْ بَعْدَهُ فَقَدْ أَعْوَزَهُ وُجُودُ الْأَنْوَارِ ، وَحُجِبَتْ عَنْهُ شُمُوسُ الْمَعَارِفِ بِسُحُبِ الْآثَارِ .

Al-kaun (segala ciptaan Allāh yakni alam semesta) seluruhnya adalah kegelapan, dan sesungguhnya yang telah meneranginya hanyalah penzahiran al-Ḥaqq (Yang Maha Benar) di dalamnya.

Maka sesiapa yang melihat *al-kaun* dan tidak pula dia dapat menyaksikanNya di dalamnya, atau bersamanya, atau sebelumnya, atau sesudahnya, maka dia sangat memerlukan kepada kewujudan cahaya-cahaya, dan [adalah keadaan dirinya] telah dihijabkan daripada matahari-matahari *al-ma‘ārif* (pengenalan-pengenalan rohani) oleh awan-awan *al-āthār* (kesan-kesan yakni kewujudan yang selain daripada Allāh).

(15)

[Sesetengah] daripada apa yang menjadi dalil bagimu di atas kewujudan keperkasaanNya, Maha Suci Dia, ialah Dia telah menghijabkanmu daripadaNya dengan sesuatu yang tidak maujud bersamaNya.

(16)

كَيْفَ يُتَصَوَّرُ أَنْ يَحْجُبَهُ شَيْءٌ وَهُوَ الَّذِي أَظْهَرَ كُلَّ شَيْءٍ ؟

Bagaimanakah boleh dibayangkan bahawa ada sesuatu yang menghijabkanNya sedangkan Dialah yang menzahirkan setiap sesuatu?

كَيْفَ يُتَصَوَّرُ أَنْ يَحْجُبَهُ شَيْءٌ وَهُوَ الَّذِي ظَهَرَ بِكُلِّ شَيْءٍ ؟

Bagaimanakah boleh dibayangkan bahawa ada sesuatu yang menghijabkanNya sedangkan Dialah yang terzahir dengan setiap sesuatu?

كَيْفَ يُتَصَوَّرُ أَنْ يَحْجُبَهُ شَيْءٌ وَهُوَ الَّذِي ظَهَرَ فِي كُلِّ شَيْءٍ ؟

Bagaimanakah boleh dibayangkan bahawa ada sesuatu yang menghijabkanNya sedangkan Dialah yang terzahir di dalam setiap sesuatu?

كَيْفَ يُتَصَوَّرُ أَنْ يَحْجُبَهُ شَيْءٌ وَهُوَ الَّذِي ظَهَرَ لِكُلِّ شَيْءٍ ؟

Bagaimanakah boleh dibayangkan bahawa ada sesuatu yang menghijabkanNya sedangkan Dialah yang terzahir bagi setiap sesuatu?

كَيْفَ يُتَصَوَّرُ أَنْ يَحْجُبَهُ شَيْءٌ وَهُوَ الظَّاهِرُ قَبْلَ وُجُودِ كُلِّ شَيْءٍ ؟

Bagaimanakah boleh dibayangkan bahawa ada sesuatu yang menghijabkanNya sedangkan Dialah Yang Maha Zahir sebelum wujud setiap sesuatu?

كَيْفَ يُتَصَوَّرُ أَنْ يَحْجُبَهُ شَيْءٌ وَهُوَ أَظْهَرُ مِنْ كُلِّ شَيْءٍ ؟

Bagaimanakah boleh dibayangkan bahawa ada sesuatu yang menghijabkanNya sedangkan Dialah yang terlebih zahir daripada setiap sesuatu?

Bagaimanakah boleh dibayangkan bahawa ada sesuatu yang menghijabkanNya sedangkan Dialah Yang Satu (yakni Yang Maha Esa) yang tiada bersertaNya sesuatu?

كَيْفَ يُتَصَوَّرُ أَنْ يَحْجُبَهُ شَيْءٌ وَهُوَ أَقْرَبُ إِلَيْكَ مِنْ كُلِّ شَيْءٍ ؟

Bagaimanakah boleh dibayangkan bahawa ada sesuatu yang menghijabkanNya sedangkan Dialah yang lebih dekat kepadamu daripada setiap sesuatu?

كَيْفَ يُتَصَوَّرُ أَنْ يَحْجُبَهُ شَيْءٌ وَلَوْلَاهُ مَا كَانَ وُجُودُ كُلِّ شَيْءٍ ؟

Bagaimanakah boleh dibayangkan bahawa ada sesuatu yang menghijabkanNya sedangkan jika bukanlah keranaNya, tiadalah akan wujud setiap sesuatu?

يَا عَجَبًا كَيْفَ يَظْهَرُ الْوُجُودُ فِي الْعَدَمِ أَمْ كَيْفَ يَثْبُتُ الْحَادِثُ مَعَ مَنْ لَهُ وَصْفُ الْقِدَمِ ؟

Alangkah menakjubkan bagaimana kewujudan boleh terzahir di dalam ketidakwujudan *(‘adam),* atau bagaimanakah boleh menjadi masih tetap *al-ḥādith* (benda yang baharu yakni makhluk) bersama Dia yang memiliki sifat *qidam* (yakni tiada bagiNya permulaan).

(17)

Tiadalah meninggalkan sesuatu pun daripada kejahilan sesiapa yang menghendaki terjadinya sesuatu urusan di luar waktu yang telah dizahirkan oleh Allāh padanya.

(18)

Menangguhkan berbuat segala amal sehingga wujud masa yang lapang (atau yang lebih selesa), adalah [sesetengah] daripada kebodohan-kebodohan nafsu.

(19)

Janganlah meminta daripadaNya untuk mengeluarkanmu daripada sesuatu keadaan agar Dia menggunakanmu pada [satu keadaan] yang lain.

Jika Dia menghendakimu, Dia boleh menggunakanmu tanpa mengeluarkanmu.

(20)

مَا أَرَادَتْ هِمَّةُ سَالِكٍ أَنْ تَقِفَ عِنْدَمَا كُشِفَ لَهَا إِلَّا وَنَادَتْهُ هَوَاتِفُ الْحَقِيقَةِ الَّذِي تَطْلُبُ أَمَامَكَ ، وَلَا تَبَرَّجَتْ ظَوَاهِرُ الْمُكَوَّنَاتِ إِلَّا وَنَادَتْكَ حَقَائِقُهَا إِنَّمَا نَحْنُ فِتْنَةٌ فَلَا تَكْفُرْ .

Tiadalah *himmah* (aspirasi) seorang *sālik* (pengembara kerohanian) berkeinginan untuk berhenti ketika terangkat tirai rohani baginya melainkan *hawātif al-ḥaqīqah* (suara-suara ghaib bagi kebenaran) akan menyeru kepadanya, “Yang engkau cari [masih lagi] berada di hadapanmu (yakni teruskanlah dan janganlah engkau berhenti di sini).”

Dan tiadalah zahir-zahir *al-mukawwanāt* (segala ciptaan yakni segala makhluk di alam semesta) menampakkan keindahahannya melainkan hakikatnya akan menyeru kepadamu, “Sesungguhnya kami hanyalah satu fitnah, maka janganlah engkau [menjadi terpedaya oleh kami sehingga engkau] menjadi kafir.”

(21)

Permintaanmu daripadaNya adalah satu tuduhan bagiNya.

Dan permintaanmu bagiNya (yakni engkau memintaNya untuk dirimu) adalah satu keghaiban bagimu (yakni kerana engkau telah merasa ghaib) daripadaNya.

Dan permintaanmu bagi [sesuatu] yang selainNya adalah kerana sedikitnya rasa malumu kepadaNya.

Dan permintaanmu daripada yang selainNya adalah kerana wujudnya kejauhanmu daripadaNya.

(22)

Tiada satu nafas pun yang engkau hembuskan melainkan baginya ada satu qadar (yakni ketentuan Allāh) yang sudah terlebih dahulu ditetapkan (yakni sejak azali lagi) akan berlaku ke atas dirimu.

(23)

Janganlah engkau ternanti-nantikan kelapangan/kekosongan daripada *al-aghyār* (yang selain daripadaNya yakni segala makhluk Allāh) kerana perkara itu akan memotongmu daripada kewujudan *al-murāqabah* (merasa awas/sedar) terhadapNya pada tempat di mana Dia telah mendirikanmu di dalamnya.

(24)

لاَ تَسْتَغْرِبْ وُقُوعَ الْأَكْدَارِ مَا دُمْتَ فِي هَذِهِ الدَّارِ ، فَإِنَّهَا مَا أَبْرَزَتْ إِلاَّ مَا هُوَ مُسْتَحِقُّ وَصْفِهَا وَوَاجِبُ نَعْتِهَا .

Janganlah engkau merasa hairan kerana berlakunya segala kesukaran selama engkau masih tinggal di negeri ini (yakni selama engkau masih berada di dalam dunia ini). Kerana sesungguhnya, tiadalah ia menzahirkan melainkan apa yang memang layak bagi sifatnya dan yang wajib dari ciri-cirinya.

(25)

Tiada akan dihentikan sebarang pencarian yang engkau cari dengan Tuhanmu, dan tiada akan dimudahkan sebarang pencarian yang engkau cari dengan dirimu.

(26)

مِنْ عَلاَمَاتِ النُّجْحِ فِي النِّهَايَاتِ الرُّجُوعُ إِلَى اللهِ فِي الْبِدَايَاتِ .

[Sesetengah] daripada tanda-tanda akan lulus/berjaya di tahap-tahap penamat ialah [*as-sālik* sentiasa] kembali kepada Allāh di tahap-tahap permulaan.

(27)

Sesiapa yang tahap permulaannya adalah terang benderang, tahap penamatnya juga adalah terang benderang.

(28)

Apa yang tersembunyi di dalam keghaiban rahsia-rahsia batin, akan menjadi terzahir pada penyaksian perkara-perkara yang zahir.

(29)

شَتَّانَ بَيْنَ مَنْ يَسْتَدِلُّ بِهِ أَوْ يَسْتَدِلُّ عَلَيْهِ ، اَلْـمُسْتَدِلُّ بِهِ عَرَفَ الْحَقَّ لِأَهْلِهِ فَأَثْـبَتَ الْأَمْرَ مِنْ وُجُودِ أَصْلِهِ ، وَالْإِسْتِدْلَالُ عَلَيْهِ مِنْ عَدَمِ الْوُصُولِ إِلَيْهِ ، وَإِلَّا فَمَتَى غَابَ حَتَّى يُسْتَدَلَّ عَلَيْهِ ؟ وَمَتَى بَعُدَ حَتَّى تَكُونَ الْآثَارُ هِيَ الَّتِي تُوصِلُ إِلَيْهِ ؟

[Alangkah amat besarnya] perbezaan di antara orang yang berdalil denganNya dengan orang yang berdalil ke atasNya.

Orang yang berdalil denganNya (yakni orang yang mengambil kewujudan Allāh sebagai dalil bagi kewujudan alam) telah mengenali kebenaran pada ahlinya. Maka dia pun menetapkan urusan itu daripada kewujudan asalnya.

Dan pengambilan dalil ke atasNya pula (yakni mengambil kewujudan alam sebagai dalil bagi kewujudan Allāh) adalah [berpunca] daripada ketiadaan sampai kepadaNya (yakni sampai kepada *ma‘rifah* yang lebih sempurna mengenaiNya).

Dan jikalau tiadalah yang demikian, bilakah masanya Dia telah ghaib sehingga [diperlukan kepada kita] berdalil ke atasNya?

Dan [jikalau tiadalah yang demikian], bilakah masanya Dia itu jauh sehingga *al-āthār* (kesan-kesan, yakni seluruh makhluk di alam semesta) pula dijadikan [sebagai alat] untuk menyampaikan [kita] kepadaNya?

(30)

“Hendaklah si empunya keluasan membelanjakan daripada keluasannya (yakni daripada keluasan rezekinya)” [mafhum Sūrah aṭ-Ṭalāq ayat 7] adalah ciri mereka yang telah sampai kepadaNya.

“Dan dia yang telah dikadarkan ke atasnya rezekinya (yakni orang yang rezekinya adalah sempit)” [mafhum Sūrah aṭ-Ṭalāq ayat 7] adalah ciri mereka yang sedang berjalan (yakni masih belum sampai) kepadaNya.

(31)

Mereka yang sedang mengembara kepadaNya memperolehi petunjuk dengan cahaya-cahaya pemalingan wajah kepadaNya, sedangkan mereka yang telah sampai pula memiliki cahaya-cahaya berhadapanan denganNya.

Maka golongan yang pertama adalah dimiliki oleh cahaya-cahaya itu, sedangkan mereka (yakni golongan yang kedua pula) adalah pemilik cahaya-cahaya itu, kerana mereka adalah milik Allāh sahaja dan bukan milik sesuatu pun selain daripadaNya.

“Katakanlah “Allāh”, kemudian tinggalkanlah mereka tenggelam di dalam permainan.” (Mafhum dari Sūrah al-An‘ām ayat 91.)

(32)

Hasratmu untuk mengetahui keaiban-keaiban batin dirimu sendiri adalah lebih baik daripada hasratmu untuk mengetahui perkara-perkara ghaib yang dihijabkan daripadamu.

(33)

اَلْـحَقُّ لَيْسَ بِمَحْجُوبٍ عَنْكَ وَإِنَّمَا الْمَحْجُوبُ أَنْـتَ عَنِ النَّظَرِ إِلَيْهِ ، إِذْ لَوْ حَجَبَهُ شَيْءٌ لَسَتَرَهُ مَا حَجَبَهُ ، وَلَوْ كَانَ لَهُ سَاتِرٌ لَكَانَ لِوُجُودِهِ حَاصِرٌ ، وَكُلُّ حَاصِرٍ لِشَيْءٍ فَهُوَ لَهُ قَاهِرٌ ، وَهُوَ الْقَاهِرُ فَوْقَ عِبَادِهِ .

Tiadalah terhijab Yang Maha Benar (yakni Allāh) daripada dirimu. Yang terhijab adalah dirimu daripada dapat memandang kepadaNya.

Andaikata ada sesuatu menghijabNya, apa yang menghijabNya itu akan menutupiNya. Dan andaikata ada satu penutup bagiNya, kewujudanNya akan dihadkan. Dan apa yang menghadkan bagi sesuatu perkara, maka ia adalah berkuasa di atas perkara itu. Dan Dia pula adalah Yang Maha Berkuasa di atas segala hambaNya.

(34)

Keluarkanlah daripada sifat-sifat kemanusianmu setiap sifat yang berlawanan dengan kehambaanmu agar engkau dapat menyahut panggilan Yang Maha Benar (yakni Allāh) dan menjadi dekat kepada kehadiranNya.

(35)

أَصْلُ كُلِّ مَعْصِيَةٍ وَغَفْلَةٍ وَشَهْوَةٍ الرِّضَا عَنِ النَّفْسِ ، وَأَصْلُ كُلِّ طَاعَةٍ وَيَقَظَةٍ وَعِفَّةٍ عَدَمُ الرِّضَا مِنْكَ عَنْهَا ، وَلأَنْ تَصْحَبَ جَاهِلاً لاَ يَرْضَى عَنْ نَفْسِهِ خَيْرٌ لَكَ مِنْ أَنْ تَصْحَبَ عَالِمًا يَرْضَى عَنْ نَفْسِهِ ، فَأَيُّ عِلْمٍ لِعَالِمٍ يَرْضَى عَنْ نَفْسِهِ وَأَيُّ جَهْلٍ لِجَاهِلٍ لاَيَرْضَى عَنْ نَفْسِهِ ؟

Punca bagi setiap kemaksiatan, kelalaian dan syahwat ialah meredai nafsu.

Dan punca bagi setiap ketaatan, kesedaran dan penahanan diri (yakni dapat menahan diri daripada berakhlak dengan setiap akhlak yang buruk) ialah tidak meredai nafsu.

Dan bahawa engkau bersahabat dengan seorang jahil yang tidak meredai nafsunya itu adalah lebih baik bagimu daripada engkau bersahabat dengan seorang *‘ālim* yang meredai nafsunya.

Kerana, ilmu manakah [yang dapat dinisbahkan] kepada seorang *‘ālim* yang meredai nafsunya, dan kejahilan manakah [yang dapat dinisbahkan] kepada seorang jahil yang tidak meredai nafsunya?

(36)

Sinaran *al-baṣīrah* (yakni cahaya dari penglihatan mata hati) mempersaksikan kepadamu akan kedekatanNya denganmu.

Dan esensi *al-baṣīrah* (yakni penglihatan mata hati itu sendiri) mempersaksikan kepadamu akan ketidakwujudanmu kerana kewujudanNya.

Dan *ḥaqq al-baṣīrah* (yakni kebenaran dari penglihatan mata hati itu pula) mempersaksikan kepadamu akan kewujudanNya [semata-mata], bukan ketidakwujudanmu dan bukan juga kewujudanmu.

(37)

Allāh telah sedia ada dan tiada sesuatu bersamaNya. Dia kini adalah sebagaimana yang Dia telah sedia ada (yakni tiada sesuatu pun bersamaNya).

(38)

لَا تَتَعَدَّ نِيَّةُ هِمَّتِكَ إِلَى غَيْرِهِ ، فَالْكَرِيمُ لَا تَتَخَطَّاهُ الْآمَالُ .

Janganlah engkau menjadikan niat aspirasimu kepada yang lain daripadaNya, kerana Yang Maha Pemurah itu tiada dapat dilangkahi Dia oleh segala cita-cita.

(39)

Janganlah engkau meminta kepada yang lain daripadaNya untuk mengangkatkan sesuatu hajat [daripada dirimu yang] Dia sendiri telah mendatangkannya (yakni hajat itu) ke atasmu.

Bagaimanakah sesiapa pun selain daripadaNya dapat mengangkatkan apa yang Dia sendiri telah meletakkannya?

Sesiapa yang tidak berupaya untuk mengangkatkan sesuatu hajat daripada dirinya sendiri, maka bagaimanakah dia berupaya untuk mengangkatkannya bagi orang lain?

(40)

Jika tiada engkau bersangka baik terhadapNya kerana kebaikan sifatNya, maka bersangka baiklah engkau terhadapNya kerana [kebaikan] urusanNya denganmu.

Adakah pernah Dia membiasakan [sesuatu] kepadamu melainkan [sesuatu itu pada hakikatnya adalah] kebaikan belaka?

Dan adakah pernah Dia menganugerahkan [sesuatu] kepadamu melainkan [sesuatu itu pada hakikatnya adalah daripada] pengurniaan-pengurniaan [yang baik] belaka?

(41)

Keajaiban bagi setiap keajaiban ialah orang yang lari daripada Dia yang tiada baginya sebarang kelepasan (yakni Allāh dan juga segala qadak dan qadarNya), dan mencari pula apa yang tidak akan kekal di sisinya (yakni dunia serta segala kehendak dan keinginan nafsu).

“Sesungguhnya yang buta bukanlah segala mata [di kepala], tetapi yang buta ialah kalbu-kalbu yang berada di dalam dada-dada [manusia].” [Mafhum Sūrah al-Ḥajj ayat 46.]

(42)

لَا تَرْحَلْ مِنْ كَوْنٍ إِلَى كَوْنٍ فَتَكُونَ كَحِمَارِ الرَّحَى ، يَسِيرُ الْمَكَانُ الَّذِي ارْتَحَلَ إِلَيْهِ هُوَ الَّذِي ارْتَحَلَ مِنْهُ . وَلَكِن ارْتَحِلْ مِنَ الْأَكْوَانِ إِلَى الْمُكَوِّنِ ﴿ **وَأَنَّ إِلَى رَبِّكَ الْمُنْتَهَى** ﴾ . وَانْظُرْ إِلَى قَوْلِهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى اللهِ وَرَسُولِهِ ، فَهِجْرَتُهُ إِلَى اللهِ وَرَسُولِهِ ، وَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى الدُّنْيَا يُصِيبُهَا أَوِ امْرَأَةٍ يَتَزَوَّجُهَا فَهِجْرَتُهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ ، فَافْهَمْ قَوْلَهُ عَلَيْهِ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ فَهِجْرَتُهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ ، وَتَأَمَّلْ هَذَا الْأَمْرَ إِنْ كُنْتَ ذَا فَهْمٍ .

Janganlah engkau mengembara dari satu alam ke satu alam yang lain. Maka jadilah engkau seumpama seekor keldai [yang sedang berjalan berpusing-pusing mengelilingi] batu pengisar gandum. Tempat yang ia berjalan kepadanya [itu pada akhir setiap pusingan] adalah tempat yang ia berjalan daripadanya.

Tetapi, mengembaralah engkau daripada sekelian alam dan menujulah engkau kepada Pencipta sekelian alam.

“Dan sesungguhnya kepada Tuhanmulah kesudahan itu.” [Mafhum Sūrah an-Najm ayat 42.]

Dan perhatikanlah kepada kata-kata baginda *ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam* [yang bermafhum], “Sesiapa yang perpindahannya adalah kepada Allāh dan rasulNya, maka perpindahannya itu adalah kepada Allāh dan rasulNya. Sesiapa yang perpindahannya adalah kepada dunia yang dia cari, atau kepada seorang wanita yang dia kahwini, maka perpindahannya itu adalah kepada apa yang dia berhijrah kepadanya.”

Maka fahamilah engkau kata-kata baginda *‘alaihiṣ-ṣalātu was-salām,* “Maka perpindahannya itu adalah kepada apa yang dia berhijrah kepadanya,” dan camkanlah perkara ini, jika engkau adalah seorang yang memiliki kefahaman!

(43)

لاَ تَصْحَبْ مَنْ لاَ يُنْهِضُكَ حَالُهُ وَلاَ يَدُلُّكَ عَلَى اللهِ مَقَالُهُ .

Janganlah engkau bersahabat dengan orang yang keadaan rohaninya tiada membangkitkan semangatmu, dan kata-katanya tiada memimpinmu kepada Allāh.

(44)

Mungkin sahaja keadaanmu adalah jahat tetapi telah ditampakkan kepadamu sebagai kebaikan dirimu, kerana persahabatanmu dengan seorang yang keadaannya adalah lebih jahat daripadamu.

(45)

Tiadalah boleh dianggap sedikit amal yang terbit daripada sebuah kalbu yang *zāhid* (seorang yang mengamalkan kezuhudan di dunia ini), dan tiadalah boleh dianggap banyak amal yang terbit daripada sebuah kalbu yang *rāghib* (seorang yang sangat gemar kepada dunia dan juga melobakannya).

(46)

Kebaikan amal-amal adalah hasil kebaikan *al-aḥwāl* (keadaan-keadaan rohani) dan kebaikan *al-aḥwāl* adalah dari merealisasikan pada stesyen-stesyen rohani yang telah diturunkan.

(47)

لاَ تَتْرُكِ الذِّكْرَ لِعَدَمِ حُضُورِكَ معَ اللهِ فيهِ ، لأَنَّ غفلَتَكَ عَنْ وُجُودِ ذِكْرِهِ أَشَدُّ مِنْ غَفْلَتِكَ فِي وُجُودِ ذِكْرِهِ . فَعَسَى أَنْ يَرْفَعَكَ مِنْ ذِكْرٍ مَعَ وُجُودِ غَفْلَةٍ إِلَى ذِكْرِهِ مَع وُجُودِ يَقَظَةٍ ، وَمِنْ ذِكْرٍ مَعَ وُجُودِ يَقَظَةٍ إِلَى ذِكْرٍ مَعَ وُجُودِ حُضُورٍ ، وَمِنْ ذِكْرٍ مَعَ وُجُودِ حُضُورٍ إِلَى ذِكْرٍ مَعَ غَيْبَةٍ عَمَّا سِوَى الْمَذْكُورِ ﴿ وَمَا ذَلِكَ عَلَى اللهِ بِعَزِيزٍ ﴾ .

Janganlah engkau meninggalkan berzikir kerana tiada wujud kehadiranmu berserta Allāh di dalamnya. Ini adalah kerana kelalaianmu di dalam tidak berzikir kepadaNya, adalah lebih buruk daripada kelalaianmu di dalam berzikir kepadaNya.

Mungkin sahaja Dia akan menaikkanmu dari tahap berzikir disertai dengan kelalaian, ke tahap berzikir disertai dengan kesedaran (yakni dapat berzikir dengan tidak disertai sebarang kelalaian).

Dan dari tahap berzikir disertai dengan kesedaran, ke tahap berzikir disertai dengan kehadiran (yakni merasakan kehadiran Allāh).

Dan dari tahap berzikir disertai dengan kehadiran, ke tahap berzikir di mana telah ghaib [daripada kewujudan] tiap sesuatu selain daripada yang dizikirkan (yakni selain Allāh).

“Dan tiadalah yang demikian itu sukar bagi Allāh.” [Mafhum Sūrah Ibrāhīm ayat 20.]

(48)

مِنْ عَلاَمَاتِ مَوْتِ الْقَلْبِ عَدَمُ الْحُزْنِ عَلَى مَا فَاتَكَ مِنَ الْمُوَافِقَاتِ ، وَتَرْكُ النَّدَمِ عَلَى مَا فَعَلْتَهُ مِنْ وُجُودِ الزَّلاَتِ .

[Sesetengah] daripada tanda-tanda kematian kalbu ialah ketiadaan merasa sedih di atas apa yang telah luput olehmu daripada segala kemuafakatan (yakni kebajikan atau ketaatan), dan meninggalkan (yakni tiada merasakan sedikit pun rasa) penyesalan di atas apa yang telah engkau lakukan daripada segala kesalahan (atau dosa).

(49)

Janganlah kebesaran dosa di sisimu [terlalu mengecewakanmu sehingga ia menjadi] satu kebesaran yang menegahmu daripada berbaik sangka dengan Allāh Ta‘ālā. Kerana sesungguhnya, sesiapa yang mengenali Tuhannya, akan ternampak kecil dosanya di sisi kemurahanNya.

(50)

Tiadalah [sesuatu dosa itu] dianggap kecil jika engkau berhadapan (yakni jika dosamu dihadapkan) dengan keadilanNya, dan tiadalah pula [sesuatu dosa itu] dianggap besar jika engkau berhadapan (yakni jika dosamu dihadapkan) dengan kurniaNya.

(51)

Tiadalah satu amal yang lebih diharapkan untuk diterima [oleh Allāh] daripada amal yang ghaib daripadamu penyaksiannya (yakni tiada engkau memandangnya), dan hina di sisimu kewujudannya (yakni engkau menganggapnya remeh atau tidak penting).

(52)

Sesungguhnya Dia menurunkan ke atasmu *al-wārid* agar dengannya engkau dapat sampai kepadaNya.

(53)

أَوْرَدَ عَلَيْكَ الْوَارِدَ لِيَتَسَلَّمَكَ مِنْ يَدِ الْأَغْيَارِ وَلِيُحَرِّرَكَ مِنْ رِقِّ الْآثَارِ .

Dia menurunkan ke atasmu *al-wārid* untuk menyelamatkan dirimu dari tangan *al-aghyār* (segala sesuatu selain daripadaNya, yakni agar engkau tidak berada di bawah kuasa setiap sesuatu selain daripada Allāh) dan untuk membebaskan dirimu dari belenggu *al-āthār* (kesan-kesan, yakni agar engkau tidak menjadi hamba kepada mana-mana makhluk di alam semesta).

(54)

Dia menurunkan ke atasmu *al-wārid* untuk mengeluarkanmu dari penjara kewujudanmu ke ruang angkasa penyaksian rohanimu.

(55)

Al-anwār (cahaya-cahaya kerohanian) adalah tunggangan (yakni kenderaan) bagi segala kalbu dan bagi segala rahsia.

(56)

اَلنُّورُ جُنْدُ الْقَلْبِ كَمَا أَنَّ الظُّلْمَةَ جُنْدُ النَّفْسِ ، فَإِذَا أَرَادَ اللهُ أَنْ يَنْصُرَ عَبْدَهُ أَمَدَّهُ بِجُنُودِ الْأَنْـوَارِ وَقَطَعَ عَنْهُ مَدَدَ الظُّلَمِ وَالْأَغْيَارِ .

Cahaya adalah tentera kalbu sebagaimana kegelapan adalah tentera nafsu.

Maka apabila Allāh menghendaki untuk menolong hambaNya, Dia membantunya dengan tentera cahaya dan memotong bantuan kegelapan dan *al-aghyār* (segala sesuatu selain daripada Allāh) daripadanya.

(57)

Penyingkapan rohani itu adalah milik *an-nūr* (cahaya), dan hukum itu (yakni menentukan kebenaran atau kebatilan sesuatu perkara) adalah milik *al-baṣīrah* (penglihatan melalui mata hati), dan pendekatan serta pemalingan itu (yakni melaksanakan sesuatu perkara atau meninggalkannya) adalah milik kalbu.

(58)

Janganlah engkau bergembira dengan ketaatan kerana ia datang daripadamu. Tetapi, bergembiralah engkau dengannya kerana ia datang daripada Allāh kepadamu.

"Katakanlah bahawa dengan pengurniaan Allāh dan dengan rahmatNya [berlakunya perkara itu]. Maka dengan itulah mereka harus bergembira. Ia adalah lebih baik daripada apa yang mereka kumpulkan." [Mafhum Sūrah Yūnus ayat 58.]

(59)

Dia telah memotong para pengembara kepadaNya dan orang-orang yang telah sampai kepadaNya daripada melihat kepada amal-amal mereka dan daripada menyaksikan keadaan-keadaan rohani mereka.

Adapun para pengembara, ia adalah kerana mereka masih belum dapat merealisasikan kejujuran bersama Allāh di dalamnya.

Dan adapun orang-orang yang telah sampai, ia adalah kerana Dia telah mengghaibkan mereka daripadanya kerana penyaksian mereka terhadapNya.

(60)

Tiada akan tumbuh (yakni naik menjulang) dahan-dahan kehinaan melainkan di atas benih ketamakan.

(61)

Tiada sesuatu yang dapat memimpinmu (yakni memimpinmu ke arah kebatilan) seperti *al-wahm* (ilusi).

(62)

أَنْتَ حُرٌّ مِمَّا أَنْتَ عَنْهُ آيِسٌ ، وَعَبْدٌ لِمَا أَنْتَ لَهُ طَامِعٌ .

Engkau hanyalah merdeka dari apa yang tiada engkau memiliki sesuatu keperluan kepadanya (atau yang kepadanya tiada engkau meletakkan sebarang harapan), dan engkau adalah seorang hamba kepada apa yang kepadanya engkau memiliki sesuatu kelobaan (atau yang kepadanya engkau meletakkan sesuatu harapan).

(63)

Sesiapa yang tidak mendekati Allāh dengan kelembutan *al-iḥsān* (kurniaan Allāh), akan diseret kepadaNya dengan rantai-rantai *al-imtiḥān* (ujian, yakni ujian Allāh di dalam bentuk bala dan musibah).

(64)

مَنْ لَمْ يَشْكُرِ النِّعَمَ فَقَدْ تَعَرَّضَ لِزَوَالِهَا ، وَمَنْ شَكَرَهَا فَقَدْ قَيَّدَهَا بِعِقَالِهَا .

Sesiapa yang tidak mensyukuri nikmat-nikmat Allāh, maka dia telah berusaha untuk menghilangkannya.

Dan sesiapa yang mensyukurinya, maka dia telah mengikatnya dengan tali ikatannya [yang kukuh].

(65)

Merasa takutlah engkau daripada [keadaan di mana masih] wujud *iḥsān*-Nya kepadamu sedangkan engkau tetap berkekalan melakukan kemaksiatan kepadaNya, bahawa perkara itu akan menjadi satu *istidrāj* (tipudaya yakni tarikan berangsur-angsur ke arah kebinasaan) bagimu.

“Kami akan memberikan kepada mereka *istidrāj* dari arah yang tiada mereka ketahui.” [Mafhum Sūrah al-Qalam ayat 44.]

(66)

Sesetengah daripada kejahilan si murid ialah dia melakukan satu adab yang jahat dan hukumannya pula ditunda, maka berkata dia, “Andaikata ini benar-benar satu adab yang jahat, [sudah tentu] Dia akan memotong bantuan rohani dan mewajibkan kejauhan.”

Mungkin sahaja bantuan rohani itu telah terpotong daripada dirinya tanpa dia merasakannya, meskipun tiadalah ia berlaku melainkan dari segi dia ditegah daripada menerima sebarang penambahan [kerohanian].

Dan mungkin juga kedudukan kejauhan itu telah didirikan tanpa dia mengetahuinya, meskipun tiadalah ia berlaku melainkan dari segi dibiarkan engkau melakukan apa jua sekehendakmu.

(67)

إذَا رَأَيْتَ عَبْدًا أَقَامَهُ اللهُ تَعَالَى بِوُجُودِ الْأَوْرَادِ وَأَدَامَهُ عَلَيْهَا مَعَ طُولِ الْإِمْدَادِ فَلاَ تَسْتَحْقِرَنَّ مَا مَنَحَهُ مَوْلاَهُ لِأَنَّكَ لَمْ تَرَ عَلَيْهِ سِيمَا الْعَارِفِينَ وَلَا بَهْجَةَ الْمُحِبِّينَ ، فَلَوْ لَا وَارِدٌ مَا كَانَ وِرْدٌ .

Apabila engkau melihat seorang hamba telah Allāh jadikan wujud [pada dirinya mengamalkan] wirid-wirid dan dia berkekalan di atasnya, dan Dia telah memanjangkan pula bantuan [kepada hamba itu sehingga dia berlanjutan mengamalkan wirid-wirid itu], janganlah engkau meremehkan apa yang telah dikurniakan oleh Penaungnya kerana engkau tiada melihat pada dirinya tanda *al-‘ārifīn* dan tiada pula kecemerlangan *al-muḥibbīn* (pencinta-pencinta Allāh), kerana jika bukanlah kerana *wārid* [yang telah turun ke atas hamba itu daripada Tuhannya], tiadalah [akan wujud] wirid [yang telah diamalkan secara berkekalan oleh hamba itu].

(68)

قَوْمٌ أَقَامَهُمُ الْحَقُّ لِخِدْمَتِهِ ، وَقَوْمٌ اخْتَصَّهُمْ بِمَحَبَّتِهِ : ﴿ كُلًّا نُمِدُّ هَؤُلَاءِ وَهَؤُلَاءِ مِنْ عَطَاءِ رَبِّكَ وَمَا كَانَ عَطَاءُ رَبِّكَ مَحْظُورًا ﴾

Ada satu kaum yang telah al-Ḥaqq (Yang Maha Benar) dirikan untuk mengkhidmatiNya, dan ada satu kaum [lain pula] yang telah Dia istimewakan untuk mencintaiNya.

"Telah Kami berikan bantuan kepada golongan ini dan kepada golongan itu daripada kemurahan Tuhanmu. Dan tiadalah kemurahan Tuhanmu itu dapat ditegah." [Mafhum Sūrah al-Isrā' ayat 20.]

(69)

Sangatlah sedikit berlakunya *al-wāridāt al-ilāhiyyah* (curahan-curahan rohani yang dibangsakan kepada ketuhanan) melainkan dengan cara mengejut, agar terpeliharalah ia daripada dakwaan para hamba [bahawa telah] wujud kesiapsediaan [untuknya pada diri mereka].

(70)

مَنْ رَأَيْتَهُ مُجِيبًا عَنْ كُلِّ مَا سُئِلَ وَمُعَبِّرًا عَنْ كُلِّ مَا شَاهِدَ وَذَاكِرًا كُلَّ مَا عَلِمَ فَاسْتَدِلَّ بِذَلِكَ عَلَى وُجُودِ جَهْلِهِ.

Sesiapa yang engkau lihat menjawab setiap yang disoal [dari hal *al-ma‘rifah* dan *at-tauḥīd],* dan mentakbirkan (yakni memberi takwil) setiap yang dia saksikan [pada *sīrr*-nya dan kasyafnya], dan menyebut setiap yang dia ketahui [dari *‘ālam al-ghaib],* maka perkara itu menunjukkan bahawa wujud kejahilan pada dirinya.

(71)

Sesungguhnya Dia telah menjadikan negeri akhirat tempat bagi balasan ganjaran bagi hamba-hambaNya yang beriman, kerana negeri ini (yakni dunia) tiada cukup luas bagi apa yang ingin Dia berikan kepada mereka.

Dan juga kerana sesungguhnya, Dia terlalu membesarkan kadar mereka, sehingga tiadalah Dia [menganggapnya memadai untuk] mengurniakan balasan ganjaran mereka pada negeri yang tiada kekekalan baginya.

(72)

Sesiapa yang menemui buah amalnya (yakni dia merasakan kelazatan di dalam melakukan ibadatnya) pada masa sekarang (yakni semasa di dunia lagi), maka ia adalah satu tanda wujudnya penerimaan pada masa hadapan (yakni di akhirat nanti).

(73)

إِذَا أَرَدْتَ أَنْ تَعْرِفَ قَدْرَكَ عِنْدَهُ فَانْظُرْ فِيمَا ذَا يُقِيمُكَ .

Jika engkau ingin mengetahui kedudukanmu di sisiNya, lihatlah di dalam apakah Dia mendirikanmu (yakni lihatlah kedudukanNya di dalam kalbumu sendiri).

(74)

Apabila Dia merezekikanmu ketaatan [di dalam melaksanakan segala perintahNya] dan kekayaan denganNya (yakni merasa sudah cukup kaya denganNya sehingga tiada memerlukan kepada mana-mana makhluk dan menjadi benar-benar bebas daripada mereka), maka ketahuilah bahawa sesungguhnya Dia telah mengurniakan ke atasmu nikmat-nikmatNya yang zahir dan batin dengan sempurna.

(75)

Sebaik-baik perkara yang patut engkau tuntut daripadaNya ialah apa yang Dia tuntut daripadamu.

(76)

Bersedih di atas terluputnya ketaataan dengan tiada [bersegera] mendirikan kepadanya (yakni masih berlengah-lengah di dalam mendirikan ketaatan), adalah sesetengah daripada tanda-tanda keterpedayaan [si hamba].

(77)

Bukanlah *al-‘ārif* orang yang apabila memberi dia isyarat, akan mendapati bahawa al-Ḥaqq (Yang Maha Benar) adalah terlebih dekat daripada isyaratnya.

Tetapi, *al-‘ārif* ialah orang yang tiada sesuatu isyarat baginya, kerana dia telah fana di dalam kewujudanNya, dan telah menjadi terlipat (yakni menjadi lenyap) di dalam menyaksikanNya.

(78)

Pengharapan [yang sebenar] ialah apa yang disertai amal. Jika tidak, ia [hanyalah setakat] angan-angan.

(79)

Yang dituntut oleh *al-‘ārifīn* daripada Allāh Ta‘ālā ialah dapat menjadi benar di dalam *al-‘ubūdiyyah* (kehambaan) dan dapat mendirikan segala hak-hak ketuhanan.

(80)

Dia (yakni Allāh) telah menjadikanmu lapang agar tiada engkau kekal di dalam kesempitan. Dan Dia telah menjadikanmu sempit agar tiada engkau ditinggal [selama-lamanya] di dalam kelapangan.

Dan Dia telah mengeluarkanmu daripada kedua-duanya sehingga tiadalah engkau menjadi milik sesuatu selainNya.

(81)

Al-'ārifūn jika mereka diberikan kelapangan, akan merasa lebih takut daripada jika mereka diberikan kesempitan.

Dan tiadalah yang dapat berdiri tegak di atas batas-batas adab di dalam kelapangan melainkan sedikit [sahaja bilangannya].

(82)

Kerana wujudnya kegembiraan, nafsu akan mengambil bahagiannya daripada *al-basṭ* (kelapangan), sedangkan *al-qabḍ* (kesempitan) pula, tiadalah di dalamnya sebarang bahagian bagi nafsu.

(83)

رُبَّمَا أَعْطَاكَ فَمَنَعَكَ ، وَرُبَّمَا مَنَعَكَ فَأَعْطَاكَ .

Mungkin di dalam Dia memberikan kepadamu, Dia telah menahan daripadamu [perkara-perkara yang pada hakikatnya adalah lebih baik bagimu].

Mungkin di dalam Dia menahan daripadamu, Dia telah memberikan kepadamu [perkara-perkara yang pada hakikatnya adalah lebih baik bagimu].

(84)

Apabila Dia membuka untukmu pintu kefahaman di dalam [mana-mana] penahanan, kembalilah penahanan itu [bertukar pula] menjadi esensi pemberian.

(85)

اَلْأَكْوَانُ ظَاهِرُهَا غِرَّةٌ وَبَاطِنُهَا عِبْرَةٌ ، فَالنَّفْسُ تَنْظُرُ إِلَى ظَاهِرِ غِرَّتِهَا ، وَالْقَلْبُ يَنْظُرُ إِلَى بَاطِنِ عِبْرَتِهَا .

Alam semesta, zahirnya adalah tipudaya dan batinnya adalah peringatan. Maka nafsu melihat kepada zahir tipudayanya, dan kalbu melihat kepada batin peringatannya.

(86)

إِنْ أَرَدْتَ أَنْ يَكُونَ لَكَ عِزٌّ لاَ يَفْنَى ، فَلاَ تَسْتَعِزَّنَّ بِعِزٍّ يَفْنَى .

Jika engkau menghendaki bahawa terjadi bagimu kemuliaan yang tiada punah, janganlah engkau merasa mulia dengan mana-mana kemuliaan yang akan punah.

(87)

[Karamah yang dikenali sebagai] penglipatan [bumi] yang sebenar ialah terlipatnya jarak dunia daripada dirimu, sehinggga engkau melihat akhirat itu adalah lebih hampir kepadamu daripada dirimu.

(88)

Pemberian daripada makhluk [pada hakikatnya] adalah satu penegahan, dan penahanan daripada Allāh [pada hakikatnya] adalah satu [kurniaan] kebaikan.

(89)

Maha Besar Tuhan kita bahawa apabila beramal si hamba secara kontan (yakni secara tunai atau bersegera), maka memberi Dia pula ganjaran kepadanya secara bertangguh (yakni pada Hari Kiamat nanti).

(90)

Memadailah bagimu sebagai ganjaran daripadaNya di atas ketaatan itu, bahawa Dia telah reda engkau menjadi ahli baginya (yakni ahli bagi ketaatan itu).

(91)

Memadailah sebagai satu ganjaran bagi mereka yang beramal, apa yang telah Dia bukakan di atas kalbu-kalbu mereka di dalam (yakni sehingga mereka dapat) mentaatiNya, dan apa yang telah Dia datangkan ke atas mereka dari kewujudan intimasi (yakni rasa ramah mesra bersamaNya).

(92)

مَنْ عَبَدَهُ لِشَيْءٍ يَرْجُوهُ مِنْهُ ، أَوْ لِيَدْفَعَ بِطَاعَتِهِ وُرُودَ الْعُقُوبَةِ عَنْهُ ، فَمَا قَامَ بِحَقِّ أَوْصَافِهِ .

Sesiapa yang beribadat kerana sesuatu yang dia harapkan daripadaNya, atau ingin menolak dengan ketaatannya itu hukuman yang telah menimpa ke atasnya, maka tiadalah dia [benar-benar] telah mendirikan hak bagi sifat-sifatNya.

(93)

Ketika Dia memberi kepadamu, Dia telah mempersaksikan kepadamu belas kasihNya. Dan ketika Dia menahan daripadamu, Dia telah mempersaksikan kepadamu keperkasaanNya.

Dan Dialah yang telah memperkenalkan diriNya kepadamu pada setiap perkara itu, dan Dialah yang telah mendekatimu (atau Dialah yang telah menghadapkan diriNya kepadamu) dengan kelembutanNya ke atasmu.

(94)

Sesungguhnya penahanan itu menyakitimu kerana tiada wujud kefahamanmu mengenai Allāh di dalamnya (yakni kerana tiada memahami hikmah/kebijaksanaan dan rahmat yang terkandung di dalam penegahanNya itu).

(95)

رُبَّمَا فَتَحَ لَكَ بَابَ الطَّاعَةِ وَمَا فَتَحَ لَكَ بَابَ الْقَبُولِ ، وَرُبَّمَا قَضَى عَلَيْكَ بِالذَّنْبِ فَكَانَ سَبَبًا فِي الْوُصُولِ .

Mungkin sahaja Dia telah membukakan bagimu pintu ketaatan, tetapi tiada Dia membukakan bagimu pintu *al-qabūl* (penerimaan).

Dan mungkin sahaja Dia telah menentukan ke atasmu dengan dosa, maka menjadi pula ia sebab bagi *al-wuṣūl* (sampai kepadaNya yakni sampai kepada *ma‘rifah* yang lebih sempurna mengenaiNya).

(96)

مَعْصِيَةٌ أَوْرَثَتْ ذُلاًّ وَافْتِقَارًا خَيْرٌ مِنْ طَاعَةٍ أَوْرَثَتْ عِزًّا وَاسْتِكْبَارًا .

Kemaksiatan yang mewariskan rasa hina dan *iftiqār* (rasa sangat memerlukan kepada Allāh), adalah lebih baik daripada ketaatan yang mewariskan rasa mulia dan *istikbār* (rasa besar diri).

(97)

Dua nikmat yang tiada [sekali-kali akan] keluar setiap maujud daripada kedua-duanya, dan tiada dapat tiada bagi setiap yang diadakan (yakni setiap makhluk) daripada kedua-duanya (yakni dua nikmat ini terdapat pada setiap makhluk dan tiada boleh disangkal akan hakikatnya): nikmat *al-ījād* (diberikan kewujudan oleh Allāh) dan nikmat *al-imdād* (diberikan kelanjutan oleh Allāh).

(98)

Dia telah mengurniakan nikmat ke atasmu, pada kali pertamanya dengan *al-ījād* (diberikan kewujudan oleh Allāh), dan pada kali keduanya dengan penerusan *al-imdād* (diberikan kelanjutan oleh Allāh).

(99)

Keperluanmu [kepada Allāh Ta‘ālā] adalah sesuatu yang bersifat *dhātiyya*h (intrinsik yakni semula jadi) bagi dirimu, sedangkan kedatangan-kedatangan segala sebab-musabab adalah peringatan-peringatan kepadamu tentang apa yang tersembunyi bagimu daripadanya (yakni daripada sifat yang semula jadi itu).

Dan tiadalah keperluanmu yang bersifat *dhātiyya*h itu dapat dihindarkan oleh sesuatu yang bersifat sementara.

(100)

خَيْرُ أَوْقَاتِكَ وَقْتٌ تَشْهَدُ فِيهِ وُجُودَ فَاقَاتِكَ وَتُرَدُّ فِيهِ إِلَى وُجُودِ ذِلَّتِكَ .

Sebaik-baik waktumu ialah waktu engkau menyaksikan di dalamnya kewujudan keperluanmu [kepada Allāh Ta‘ālā] dan dikembalikan engkau di dalamnya kepada kewujudan kehinaanmu.

(101)

Apabila Dia menjadikan engkau merasa liar (atau merasa jemu) dengan makhlukNya, maka ketahuilah bahawa sesungguhnya Dia ingin membukakan untukmu pintu *al-uns* (intimasi yakni merasa ramah mesra atau berjinak-jinak) denganNya.

(102)

Apabila Dia telah melepaskan lidahmu untuk meminta, maka ketahuilah bahawa Dia menghendaki untuk menganugerahkan kepadamu [perkara itu atau yang lebih baik daripadanya, jika Dia mahu pada masa sekarang dan jika Dia mahu pada masa akan datang].

(103)

Tiadalah *al-‘ārif* akan berhenti daripada merasakan dia sangat memerlukan kepadaNya, dan tiadalah akan berlaku bahawa dia akan merasa tenang (atau berehat diri) dengan yang selain Allāh.

(104)

أَنَارَ الظَّوَاهِرَ بِأَنْـوَارِ آثَارِهِ ، وَأَنَـارَ السَّرَائِرَ بِأَنْـوَارِ أَوْصَافِهِ ، لِأَجْلِ ذَلِكَ أَفَلَتْ أَنْـوَارُ الظَّوَاهِرِ، وَلَمْ تَأْفُلْ أَنْـوَارُ الْقُلُوبِ وَالسَّرَائِرِ وَلِذَلِكَ قِيلَ : إِنَّ شَمْسَ النَّهَارِ تَغْرُبُ بِاللَّيْلِ وَشَمْسَ الْقُلُوبِ لَيْسَتْ تَغِيبُ .

Dia telah menerangi segala perkara yang zahir dengan cahaya-cahaya *āthār*-Nya (kesan-kesanNya, yakni para makhluk ciptaan Allāh) dan Dia telah menerangi rahsia-rahsia batin dengan cahaya-cahaya sifatNya (yakni dengan cahaya yang tidak dicipta, kerana sifatNya bukanlah sesuatu ciptaan).

Maka kerana itu akan terbenam cahaya-cahaya pada segala perkara yang zahir, dan tiadalah akan terbenam cahaya-cahaya pada kalbu-kalbu dan rahsia-rahsia batin.

Dan kerana itu juga telah dikatakan [oleh sesetengah guru sufi]: Sesungguhnya matahari di siang hari akan terbenam dengan masuknya waktu malam, sedangkan matahari bagi segala kalbu tiadalah ia akan pernah terbenam.

(105)

Hendaklah engkau merasa ringan dengan kepedihan bala di atasmu, kerana mengetahuinya engkau bahawa Dialah, Maha Suci Dia, yang telah menurunkan bala itu kepadamu.

Dia yang telah menghadapkan segala takdir daripadaNya itu kepadamu, maka Dia jugalah yang telah membiasakanmu dengan kebaikan pilihan (yakni Dia telah membiasakanmu dengan pilihan-pilihanNya yang terlebih baik bagimu).

(106)

Sesiapa yang bersangka bahawa kelembutanNya adalah terpisah daripada qadarNya (yakni ketentuanNya atau takdirNya), maka adalah kerana tersingkat pandangannya (yakni hanya orang yang berpandangan singkat sahaja yang bersangka sedemikian).

(107)

Tiadalah ditakuti bahawa engkau akan menjadi terkeliru di atas jalan ini, tetapi yang ditakuti ialah engkau terkalah oleh hawa.

(108)

Maha Suci Dia yang telah menutupkan rahsia keteristimewaan [yang telah diberikanNya kepada wali-waliNya] dengan penzahiran [sifat-sifat] kemanusiaan [pada diri wali-waliNya], dan yang telah menzahirkan kebesaran *ar-rubūbiyyah* (ketuhanan) di dalam penzahiran *al-‘ubūdiyyah* (kehambaan).

(109)

Janganlah engkau menuntut daripada Tuhanmu kerana lambat [memperkenankan] permintaanmu, tetapi tuntutlah daripada nafsumu kerana lambat [mendirikan] adabmu (yakni di dalam melaksanakan adab-adab kehambaan kepada Allāh).

(110)

مَتَى جَعَلَكَ فِي الظَّاهِرِ مُمْتَثِلاً لأَمْرِهِ وَرَزَقَكَ فِي الْبَاطِنِ الإِسْتِسْلاَمَ لِقَهْرِهِ فَقَدْ أَعْظَمَ الْمِنَّةَ عَلَيْكَ .

Apabila Dia telah menjadikankan engkau pada zahirmu menuruti perintahNya, dan telah merezekikan pada batinmu penyerahan bulat-bulat kepada keperkasaanNya, maka Dia telah menjadikan besar kurniaan itu kepadamu.

(111)

Tiadalah setiap orang yang telah sabit kekhususannya (atau keteristimewaannya, yakni telah zahir perkara-perkara yang mencarik adat di tangannya) telah sempurna pelepasannya (yakni sudah bebas daripada melihat kepada yang selainNya).

(112)

Tiadalah yang menghinakan *al-wird* melainkan orang yang sangat jahil. *Al-wārid* (yakni kurniaan Allāh Ta‘ālā hasil daripada kita mengekali *al-wird* di dunia) diperolehi di negeri akhirat, dan *al-wird* pula akan terputus dengan terputusnya negeri ini (yakni dunia).

Dan yang terlebih utama ialah engkau memberikan perhatian kepada apa yang tiada gantian bagi kewujudannya (yakni engkau perlu memberikan perhatian yang lebih kepada *al-wird).*

Al-wird adalah apa yang Dia tuntut daripada dirimu (yakni apa yang Dia perintahkan kepadamu), dan *al-wārid* adalah apa yang engkau tuntut daripadaNya (yakni apa yang engkau harapkan daripadaNya).

Maka di manakah [perbandingan di antara] apa yang Dia tuntut daripadamu dengan apa yang engkau tuntut daripadaNya?

(113)

Datangnya pertolongan-pertolongan rohani adalah menurut kesediaan [diri si penerima], dan terbitnya cahaya-cahaya rohani adalah menurut kesucian segala rahsia (*as-sirr* yakni batin kepada *ar-rūh* yang merupakan batin kepada *al-qalb* diri si penerima).

(114)

اَلْـغَافِلُ إِذَا أَصْبَحَ يَنْظُرُ مَا ذَا يَفْعَلُ ، وَالْعَاقِلُ يَنْظُرُ مَا ذَا يَفْعَلُ اللّٰهُ بِهِ .

Orang yang lalai itu apabila berpagi-pagi, dia akan melihat apakah yang akan dilakukannya.

Dan orang yang berakal pula, dia akan melihat apakah yang akan dilakukan oleh Allāh dengannya.

(115)

إِنَّمَا اسْتَوْحَشَ الْعُبَّادُ وَالزُّهَّادُ مِنْ كُلِّ شَيْءٍ لِغَيْبَتِهِمْ عَنِ اللهِ فِي كُلِّ شَيْءٍ ، فَلَو شَهِدُوهُ فِي كُلِّ شَيْءٍ لَمْ يَسْتَوْحِشُوا مِنْ شَيْءٍ .

Sesungguhnya telah meliar (yakni telah mengasingkan diri-diri) *al-‘ubbād* (orang-orang yang ahli ibadat) dan *as-zuhhād* (orang-orang yang mengamalkan kezuhudan) daripada tiap sesuatu kerana keghaiban mereka daripada (yakni ketidakupayaan mereka untuk menyaksikan) Allāh pada setiap sesuatu.

Andaikata mereka dapat menyaksikanNya pada setiap sesuatu, tiadalah mereka akan meliar (yakni mengasingkan diri-diri mereka) daripada setiap sesuatu.

(116)

Dia telah menyuruhmu memandang kepada ciptaanNya di negeri ini (yakni di dunia), dan kelak di negeri itu (yakni di akhirat) Dia akan menyingkapkan kepadamu kesempurnaan zatNya.

(117)

Dia telah mengetahui daripadamu bahawa engkau tidak sabar daripadaNya (yakni kerana tidak dapat melihatNya atau kerana merasa terpisah daripadaNya), maka Dia telah menjadikan engkau menyaksikan [di dunia lagi] apa yang terzahir (atau yang nyata) daripadaNya.

(118)

لَمَّا عَلِمَ الْحَقُّ مِنْكَ وُجُودَ الْمَلَلِ لَوَّنَ لَكَ الطَّاعَاتِ ، وَعَلِمَ مَا فِيكَ مِنْ وُجُودِ الشَّرَّهِ فَحَجَرَهَا عَلَيْكَ فِي بَعْضِ الْأَوْقَاتِ لِيَكُونَ هَمُّكَ إِقَامَةَ الصَّلَاةِ لَا وُجُودَ الصَّلَاةِ ، فَمَا كُلُّ مُصَلٍّ مُقِيمٌ .

Ketika al-Ḥaqq (Yang Maha Benar) mengetahui daripadamu wujudnya rasa jemu [pada dirimu], Dia telah menjadikan ketaatan itu berjenis-jenis bagimu.

Dan ketika Dia mengetahui bahawa pada dirimu wujud sifat rakus (atau sifat lahap), Dia telah menghadkan ke atasmu [di dalam melakukan solat itu hanya] pada sesetengah waktu [yang tertentu sahaja], agar terjadilah cita-citamu di dalam mendirikan solat, bukan [hanya setakat] mewujudkan solat, kerana tiadalah setiap orang yang bersolat itu [telah benar-benar] mendirikannya.

(119)

Sembahyang adalah satu penyucian bagi kalbu-kalbu daripada najis-najis *adh-dhunūb* (dosa-dosa) dan adalah satu pembukaan bagi pintu *al-ghuyūb* (perkara-perkara yang ghaib).

(120)

اَلصَّلاَةُ مَحَلُّ الْمُنَاجَاةِ وَمَعْدِنُ الْمُصَافَاةِ ، تَتَّسِعُ فِيهَا مَيَادِينُ الْأَسْرَارِ وَتُشْرِقُ فِيهَا شَوَارِقُ الْأَنْـوَارِ ، عَلِمَ وُجُودَ الضَّعْفِ مِنْكَ فَقَلَّلَ أَعْدَادَهَا ، وَعَلِمَ احْتِيَاجَكَ إِلَى فَضْلِهِ فَكَثَّرَ أَمْدَادَهَا .

Sembahyang adalah tempat bermunajat [kepada Allāh] dan tempat galian bagi penyucian rohani.

Di dalamnya terdapat perluasan bagi segala medan rahsia-rahsia, dan di dalamnya terdapat juga tempat bersinarnya cahaya-cahaya yang gemerlapan.

Dia (yakni Allāh) telah mengetahui tentang kelemahanmu, maka Dia telah menjadikan sedikit bilangannya (yakni bilangan sembahyang fardu di dalam sehari semalam), dan Dia telah mengetahui betapa engkau berhajat kepada kelebihannya (yakni kelebihan mendirikan sembahyang), maka Dia telah menjadikan banyak nilainya (yakni nilai pahala bagi mendirikan sembahyang).

(121)

Apabila engkau menuntut upah bagi sesuatu amal, akan dituntut pula daripadamu kewujudan *aṣ-ṣidq* (kejujuran yakni melakukan amal dengan benar-benar ikhlas) di dalamnya.

Cukuplah bagi *al-murīb* (orang yang tidak jujur itu) dengan wujudnya keselamatan (yakni cukuplah dia telah dikurniakan keselamatan daripada dikenakan sebarang hukuman sebagai balasan bagi amalnya yang tidak benar-benar ikhlas).

(122)

لَا تَطْلُبْ عِوَضًا عَلَى عَمَلٍ لَسْتَ لَهُ فَاعِلاً ، يَكْفِي مِنَ الْجَزَاءِ لَكَ عَلَ الْعَمَلِ أَنْ كَانَ لَهُ قَابِلاً .

Janganlah engkau menuntut upah di atas sesuatu amal [yang pada hakikatnya] bukan engkaulah pelaku baginya.

Sudah mencukupi bagimu sebagai ganjaran di atas amal itu bahawa Dia (yakni Allāh) telah menerimanya.

(123)

Apabila Dia menghendaki untuk menzahirkan anugerahNya ke atasmu, Dia akan menciptakan [amal-amal yang baik pada dirimu] dan Dia menisbahkan [amal-amal yang baik itu pula] kepadamu.

(124)

Tiadalah kesudahan bagi kecelaanmu jika Dia memulangkan-mu kepada dirimu sendiri.

Dan tiadalah kesudahan bagi kepujianmu jika Dia menzahirkan kemurahanNya ke atas dirimu.

(125)

Jadikanlah sifat-sifat ketuhananNya tempat engkau bersandar, dan realisasikanlah sifat-sifat kehambaanmu dengan sebenar.

(126)

مَنَعَكَ أَنْ تَدَّعِيَ مَا لَيْسَ مِمَّا لِلْمَخْلُوقِينَ ، أَفَيُبِيحُ لَكَ أَنْ تَدَّعِيَ وَصْفَهُ وَهُوَ رَبُّ الْعَالَمِينَ ؟

Dia telah melarangmu daripada mendakwa apa yang bukan milikmu dari apa yang dimiliki segala makhluk, apakah Dia akan membenarkanmu mendakwa sifatNya padahal Dia adalah Tuhan Pengatur sekelian alam?

(127)

كَيْفَ تُخْرَقُ لَكَ الْعَوَائِدُ وَأَنْتَ لَمْ تَخْرِقْ مِنْ نَفْسِكَ الْعَوَائِدَ ؟

Bagaimanakah akan menjadi bagimu pencarikan adat jika engkau sendiri belum mencarikkan adat nafsumu (yakni engkau mengubahkannya dengan menanggalkan segala kejahatannya)?

(128)

Urusan itu bukanlah pada kewujudan menuntut (yakni engkau berdoa/meminta sesuatu daripadaNya). Sesungguhnya, urusan itu ialah engkau direzekikan dengan kebaikan adab (yakni adabmu denganNya).

(129)

Tiada sesuatu yang dapat menuntut (yakni berdoa/meminta daripada Allāh) bagi pihakmu seperti [situasi] keterdesakan.

Dan tiada yang lebih menyegerakan [ketibaan] pengurniaan-pengurniaan [daripada Allāh] kepadamu seperti [situasi di mana engkau merasakan] kehinaan dan *al-iftiqār* (keadaan fakir yakni merasakan sangat-sangat memerlukan kepadaNya).

(130)

لَوْ أَنَّكَ لاَ تَصِلُ إِلَيْهِ إِلاَّ بَعْدَ فَنَاءِ مَسَاوِيكَ وَمَحْوِ دَعَاوِيكَ لَمْ تَصِلْ إِلَيْهِ أَبَدًا ، وَلَكِنْ إِذَا أَرَادَ أَنْ يُوصِلَكَ إِلَيْهِ سَتَرَ وَصْفَكَ بِوَصْفِهِ وَغَطَّى نَعْتَكَ بِنَعْتِهِ ، فَوَصَّلَكَ إِلَيْهِ بِمَا مِنْهُ إِلَيْكَ لاَ بِمَا مِنْكَ إِلَيْهِ .

Jika tiadalah engkau sampai kepadaNya melainkan setelah fana sifat-sifatmu yang buruk dan terhapus pula segala dakwaanmu, maka tiadalah engkau akan sampai kepadaNya untuk selama-lamanya. Akan tetapi, apabila Dia menghendaki yang engkau sampai kepadaNya, Dia akan menutupi sifatmu dengan sifatNya dan perilakumu dengan perilakuNya. Maka sampainya engkau kepadaNya adalah [dengan sesuatu] daripadaNya kepadamu, dan bukanlah [dengan sesuatu] daripadamu kepadaNya.

(131)

Jikalau tidaklah kerana keelokan/kebaikan tutupanNya, tiada akan terjadi satu amal pun yang layak diterima.

(132)

أَنْـتَ إِلَى حِلْمِهِ إِذَا أَطَعْتَهُ أَحْوَجُ مِنْكَ إِلَى حِلْمِهِ إِذَا عَصَيْتَهُ .

Keperluanmu kepada kesantunan/kesabaranNya ketika engkau berbuat taat kepadaNya, adalah melebihi keperluanmu kepada kesantunan/kesabaranNya ketika engkau berbuat maksiat kepadaNya.

(133)

Tutupan itu terbahagi kepada dua jenis: Satu tutupan adalah daripada maksiat dan satu tutupan lagi adalah di dalamnya.

Untuk orang-orang awam, mereka menuntut daripada Allāh Ta‘ālā tutupan di dalamnya (yakni di dalam melakukan maksiat) kerana takut terjatuhnya kedudukan mereka di sisi segala makhluk.

Untuk orang-orang khas pula, mereka menuntut daripada Allāh Ta‘ālā tutupan daripadanya (yakni daripada melakukan maksiat) kerana takut terjatuhnya kedudukan mereka pada pandangan Si Raja Yang Maha Benar (yakni Allāh Ta‘ālā).

(134)

مَنْ أَكْرَمَكَ فَإِنَّمَا أَكْرَمَ فِيكَ جَمِيلَ سِتْرِهِ ، فَالْحَمْدُ لِمَنْ سَتَرَكَ ، لَيْسَ الْحَمْدَ لِمَنْ أَكْرَمَكَ وَشَكَرَكَ .

Sesiapa yang memuliakanmu, sesungguhnya memuliakan apa yang berada pada dirimu dari keelokan tutupanNya.

Maka puji-pujian itu adalah bagi Dia yang telah menutupimu, dan bukan bagi orang yang telah memuliakanmu dan berterima-kasih kepadamu.

(135)

Tiadalah [benar dikatakan seseorang itu] bersahabat denganmu melainkan dia bersahabat denganmu sedangkan dia [sudah pun terlebih dahulu] mengetahui tentang keaiban dirimu. Dan tiadalah yang demikian itu melainkan Penaungmu Yang Maha Mulia (yakni Allāh Ta'ālā).

Sebaik-baik orang untuk engkau buat sahabat ialah dia yang menuntutmu untuk dirimu sendiri dan bukan untuk sesuatu yang kembali daripada dirimu kepada dirinya.

(136)

لَوْ أَشْرَقَ لَكَ نُورُ اليَقِينِ لَرَأَيْتَ الْآخِرَةَ أَقْرَبَ إِلَيْكَ مِنْ أَنْ تَرْحَلَ إِلَيْهَا ، وَلَرَأَيْتَ مَحَاسِنَ الدُّنْيَا قَدْ ظَهَرَتْ كِسْفَةُ الْفَنَاءِ عَلَيْهَا .

Andaikata bersinarlah bagimu *nūr al-yaqīn* (cahaya keyakinan), engkau akan dapat melihat bahawa akhirat itu adalah lebih dekat kepadamu daripada engkau bertolak kepadanya (yakni ia terlalu dekat sehingga tiada perlu engkau pergi kepadanya), dan engkau juga akan dapat melihat bahawa bagi segala kecantikan dunia itu akan terzahir kepadamu gerhana kefanaan di atasnya.

(137)

Tiadalah engkau dihijabkan daripada Allāh oleh kewujudan sesuatu yang maujud bersamaNya, kerana tiadalah yang maujud bersamaNya. Yang menghijabkan engkau daripadaNya ialah ilusimu mengenai [kewujudan sesuatu yang] maujud bersamaNya.

(138)

Jika tiadalah kerana penzahiranNya pada *al-mukawwanāt* (segala ciptaan yakni segala makhluk di alam semesta), tiadalah akan jatuh ke atas mereka wujud penglihatan (yakni tiadalah mereka akan dapat dilihat oleh sebarang penglihatan mata kepala).

Dan jika terzahirlah sifat-sifatNya (yakni menjadi nyata dan jelas pada pandangan mata hati), akan lenyaplah segala ciptaanNya [daripada pandangan si penyaksi].

(139)

أَظْهَرَ كُلَّ شَيْءٍ لِأَنَّهُ الْبَاطِنُ ، وَطَوَى وُجُودَ كُلِّ شَيْءٍ لِأَنَّهُ الظَّاهِرُ .

Dia telah menzahirkan (yakni menjadikan nyata) setiap sesuatu kerana Dia adalah Maha Batin, dan Dia telah melipatkan kewujudan setiap sesuatu kerana Dia adalah Maha Zahir.

(140)

أَبَاحَ لَكَ أَنْ تَنْظُرَ مَا فِي الْمُكَوَّنَاتِ وَمَا أَذِنَ لَكَ أَنْ تَقِفَ مَعَ ذَوَاتِ الْمُكَوَّنَاتِ ، ﴿ **قُلِ انْظُرُوا مَا ذَا فِي السَّمٰوَاتِ** ﴾ فَتَحَ لَكَ بَابَ الْأَفْهَامِ وَلَمْ يَقُلْ : انْظُرُوا السَّمٰوَاتِ ، لِئَلَّا يَدُلَّكَ عَلَى وُجُودِ الْأَجْرَامِ .

Dia telah membenarkan engkau memandang kepada apa yang berada di dalam *al-mukawwanāt* (segala ciptaan yakni segala makhluk di alam semesta), tetapi tiada Dia memberikan izin kepadamu untuk berhenti [di tahap setakat memandang] kepada zat-zat *al-mukawwanāt*.

“Katakanlah: Pandanglah engkau sekelian kepada apa yang berada di segala langit.” [Mafhum Sūrah Yūnus ayat 101.] Semoga Dia membukakan untukmu pintu kefahaman [dengan ayat al-Quran ini]. Dan tiadalah Dia mengatakan “Pandanglah engkau sekelian kepada segala langit”, agar tiadalah Dia menunjukkan kepadamu [hanya setakat] di atas kewujudan jirim-jirim (benda-benda fizikal) itu sahaja.

(141)

Al-akwān (segala alam semesta) menjadi tetap hanya dengan penetapanNya, dan menjadi terhapus dengan [penzahiran] keesaan zatNya.

(142)

Manusia-manusia lain memujimu kerana apa yang mereka sangka terdapat pada dirimu. Maka jadilah engkau pula mengeji nafsumu pada apa yang memang engkau ketahui mengenainya.

(143)

Orang yang beriman itu, apabila dia dipuji, akan merasa malu kepada Allāh, kerana dia telah dipuji dengan satu sifat yang tiada dia saksikan pada dirinya.

(144)

Orang yang paling jahil ialah dia yang meninggalkan keyakinan pada sisinya [mengenai segala keburukan dan keaiban diri sendiri] kerana [terpengaruh dengan] persangkaan [baik mengenai dirinya] pada sisi orang-orang lain.

(145)

Jika [ada manusia] menyebut pujian ke atasmu sedangkan engkau [sebenarnya] tidak layak untuknya, maka engkau berikanlah pula pujian ke atasNya sebagaimana Dia memang layak untuknya.

(146)

اَلزُّهَّادُ إِذَا مُدِحُوا انْقَبَضُوا لِشُهُودِهِمُ الثَّنَاءَ مِنَ الْخَلْقِ ، وَالْعَارِفُونَ إِذَا مُدِحُوا انْبَسَطُوا لِشُهُودِهِمْ ذَلِكَ مِنَ الْمَلِكِ الْحَقِّ .

Ahli-ahli kezuhudan akan merasakan kesempitan rohani (yakni mereka akan merasa kecut hati) apabila mereka dipuji kerana mereka menyaksikan bahawa pujian itu berasal daripada makhluk sahaja, sedangkan ahli-ahli *al-ma‘rifah* pula akan merasakan keluasan rohani (yakni mereka akan bersuka hati) kerana mereka menyaksikan bahawa perkara itu (yakni pujian itu) berasal daripada Si Raja Yang Maha Benar (yakni Allāh).

(147)

مَتَى كُنْتَ إِذَا أُعْطِيتَ بَسَطَكَ الْعَطَاءُ ، وَإِذَا مُنِعْتَ قَبَضَكَ الْمَنْعُ ، فَاسْتَدِلَّ بِذَلِكَ عَلَى ثُبُوتِ طُفُولِيَّتِكَ ، وَعَدَمِ صِدْقِكَ فِي عُبُودِيَّتِكَ .

Jika ketika engkau dikurniakan, pengurniaan itu menjadikan engkau merasakan keluasan (yakni engkau bergembira di atasnya), dan ketika engkau ditahan, penahanan itu pula menjadikan engkau merasakan kesempitan (yakni engkau berdukacita di atasnya), maka anggaplah perkara itu sebagai dalil di atas sifat kebudak-budakanmu (yakni sifat ketidakdewasaanmu) yang masih tetap ada, dan di atas ketidakjujuranmu di dalam *‘ubūdiyyah*-mu (kehambaanmu).

(148)

Jika terjatuh daripadamu satu dosa, janganlah ia dijadikan sebab bagi engkau untuk berputus asa daripada [terus berusaha untuk] mencapai *al-istiqāmah* bersama Tuhanmu. Mungkin sahaja, perkara itu adalah dosa terakhir yang ditakdirkan ke atasmu.

(149)

Apabila engkau inginkan pintu *ar-rajā'* (harapan) terbuka untukmu, saksikankan apa yang daripadaNya kepadamu (yakni pada segala anugerahNya dan segala rahmatNya, yang telah datang kepadamu tanpa sebarang sebab daripadamu).

Dan apabila engkau inginkan pintu *al-khauf* (ketakutan) terbuka untukmu, saksikanlah apa yang daripadamu kepadaNya (yakni pada segala dosa, perbuatan keji, kealpaan dan buruk adab yang telah datang daripadamu kepadaNya).

(150)

رُبَّمَا أَفَادَكَ فِي لَيْلِ الْقَبْضِ مَا لَمْ تَسْتَفِدْهُ فِي إِشْرَاقِ نَهَارِ الْبَسْطِ ﴿ **لاَ تَدْرُونَ أَيُّهُمْ أَقْرَبُ لَكُمْ نَفْعًا** ﴾ .

Mungkin sahaja Dia akan menambahkan kepadamu pada [kegelapan] malam hari *al-qabḍ* (kesempitan rohani) apa yang tiada engkau perolehi pada penyinaran [terang benderang] siang hari *al-basṭ* (keluasan rohani).

“Tiadalah engkau sekelian mengetahui perkara mana yang lebih dekat bagi engkau sekelian manfaatnya.” [Mafhum Sūrah an-Nisā’ ayat 11.]

(151)

مَطَالِعُ الْأَنْـوَارِ الْقُلُوبُ وَالْأَسْرَارُ .

Tempat terbitnya cahaya-cahaya [rohani] adalah di kalbu-kalbu dan di *al-asrār* (rahsia-rahsia).

(152)

Ada satu cahaya rohani (yakni *nūr al-‘aql)* terletak di dalam kalbu-kalbu, [yang mana] bantuannya datang dari cahaya rohani (yakni *nūr as-sirr)* yang datang [terus yakni secara langsung] dari perbendaharaan-perbendaharaan ghaib.

(153)

Ada satu cahaya dengannya Dia menyingkapkan kepadamu *āthār*-Nya (kesan-kesanNya, yakni segala makhluk ciptaan Allāh), dan ada satu cahaya dengannya Dia menyingkapkan kepadamu sifat-sifatNya.

(154)

Ada kemungkinan akan menjadi terhenti kalbu-kalbu dengan cahaya-cahaya, sebagaimana telah menjadi terhijab nafsu-nafsu dengan ketebalan *al-aghyār* (yang selain daripadaNya yakni segala makhluk Allāh).

(155)

سَتَرَ أَنْـوَارَ السَّرَائِرِ بِكَثَائِفِ الظَّوَاهِرِ إِجْلاَلاً لَهَا أَنْ تُبْذَلَ بِوُجُودِ الْإِظْهَارِ وَأَنْ يُنَادَى عَلَيْهَا بِلِسَانِ الْإِشْتِهَارِ .

Dia telah menutupi rahsia-rahsia batin (yakni ilmu-ilmu yang berbentuk *ladunniyyah* dan pengenalan-pengenalan yang berbentuk *rabbāniyyah,* atau boleh juga dikatakan kebebasan batin) dengan ketebalan perkara-perkara yang zahir (yakni sifat-sifat manusia yang zahir, atau boleh juga dikatakan kehambaan yang zahir) demi kemuliaannya, agar jangan terjadi terhina ia apabila berlaku penzahirannya, dan agar jangan diseru ke atasnya dengan kata-kata pemasyhuran (yakni agar si penutur tidak dituduh ingin mencari kemasyhuran).

(156)

Maha Suci Dia yang tidak menunjukkan (yakni tidak Dia memperkenalkan seorang manusia) kepada para waliNya melainkan sebagai satu penunjuk kepada diriNya.

Dan tiada Dia menyampaikan kepada mereka melainkan orang yang telah pun Dia kehendaki akan sampai kepadaNya.

(157)

Mungkin sahaja Dia memperlihatkan kepadamu perkara-perkara ghaib dari alam *malakūt*-Nya, namun Dia menghijabkan pula dirimu daripada mengetahui rahsia-rahsia para hamba (yakni manusia-manusia lain).

(158)

مَنِ اطَّلَعَ عَلَى أَسْرَارِ الْعِبَادِ وَلَمْ يَتَخَلَّقْ بِالرَّحْمَةِ الْإِلَهِيَّةِ ، كَانَ اطِّلَاعُهُ فِتْنَةً عَلَيْهِ وَسَبَبًا لِجَرِّ الْوَبَالِ إِلَيْهِ ▪

Sesiapa yang telah Dia perlihatkan rahsia-rahsia para hamba dan tiada pula dia berakhlak dengan belas kasihan keilahian (yakni kerana dia belum lagi mencapai stesyen *at-tamkīn* di dalam *asy-syuhūd* dan belum berupaya untuk berakhlak dengan akhlak-akhlak kerahmatan Si Raja Yang Disembah), maka pengetahuan itu akan menjadi satu fitnah ke atasnya dan juga satu sebab bagi penghalaan bala ke arahnya.

(159)

حَظُّ النَّفْسِ فِي الْمَعْصِيَةِ ظَاهِرٌ جَلِيٌّ وَحَظُّهَا فِي الطَّاعَةِ بَاطِنٌ خَفِيٌّ ، وَمُدَاوَاةُ مَا يَخْفَى صَعْبٌ عِلاَجُهُ .

Bahagian nafsu di dalam kemaksiatan adalah nyata dan jelas, sedangkan bahagiannya di dalam ketaatan pula [seperti mencari pencarikan adat dan mencari kedudukan di sisi manusia] tiadalah jelas dan adalah tersembunyi. Dan untuk menyembuhkan sesuatu yang tersembunyi itu adalah sangat sukar pengobatannya.

(160)

رُبَّمَا دَخَلَ الرِّيَاءُ عَلَيْكَ مِنْ حَيْثُ لاَ يَنْظُرُ الْخَلْقُ إِلَيْكَ .

Kadangkala, riyak memasuki ke atasmu dari arah di mana para makhluk (yakni orang-orang lain) pun tidak melihatnya pada dirimu (yakni kerana riyak itu adalah tersangat halus dan tersembunyi keadaannya).

(161)

Keinginanmu agar para makhluk (yakni manusia-manusia lain) mengetahui tentang kekhususanmu (yakni keistimewaanmu di dalam berilmu dan beramal dengan perkara-perkara seperti kezuhudan dan penyerahan diri *(taslīm)*, atau juga penerimaan kurniaan-kurniaan rohani seperti *al-karāmah* dan *al-mukāsyafah*) adalah satu dalil di atas ketidakjujuranmu di dalam *‘ubūdiyyah*-mu (kehambaanmu).

(162)

Ghaibkanlah (yakni jadikanlah ia sesuatu yang tidak penting seolah-olah seperti habuk yang berterbangan di udara) pandangan para makhluk ke atasmu dengan [menyaksikan dengan pentakziman dan pengagungan kepada] pandangan Allāh ke atasmu.

Dan jadikanlah dirimu ghaib dari pendekatan mereka ke atasmu dengan menyaksikan pendekatanNya ke atasmu.

(163)

مَنْ عَرَفَ الْحَقَّ شَهِدَهُ فِي كُلِّ شَيْءٍ ، وَمَنْ فَنِيَ بِهِ غَابَ عَنْ كُلِّ شَيْءٍ ، وَمَنْ أَحَبَّهُ لَمْ يُؤْثِرْ عَلَيْهِ شَيْئًا .

Sesiapa yang telah mengenali Yang Maha Benar (yakni Allāh Ta‘ālā), akan menyaksikanNya pada setiap sesuatu.

Dan sesiapa yang telah fana denganNya, akan ghaiblah dia daripada setiap sesuatu.

Dan sesiapa yang telah mencintaiNya, tiadalah dia akan mengutamakan sesuatu pun ke atasNya.

(164)

Sesungguhnya yang menghijabkan Yang Maha Benar (yakni Allāh Ta‘ālā) daripadamu (yakni sebab yang menyebabkan dirimu tidak dapat menyaksikan Yang Maha Benar) ialah ketersangatan hampirNya denganmu.

(165)

إِنَّمَا احْتَجَبَ لِشِدَّةِ ظُهُورِهِ ، وَخَفِيَ عَنِ الْأَبْصَارِ لِعِظَمِ نُورِهِ .

Sesungguhnya Dia telah menjadi [seolah-olah] terhijab kerana ketersangatan penzahiranNya, dan telah menjadi tersembunyi daripada segala penglihatan kerana keagungan cahayaNya.

(166)

Janganlah dijadikan [doa-doa] permintaanmu itu sebagai sebab [hanya setakat] untuk [menerima] pengurniaan daripada diriNya, maka sangatlah sedikit kefahamanmu mengenai diriNya [sebagaimana yang dilakukan oleh mereka di tahap *al-bidāyah* yakni permulaan].

Tetapi, jadikanlah permintaanmu itu sebagai menzahirkan kehambaan [bagi dirimu] dan juga mendirikan hak-hak ketuhanan [bagi diriNya, sebagaimana yang dilakukan oleh mereka di tahap *an-nihāyah* yakni penamat].

(167)

Bagaimanakah boleh permintaanmu yang baharu datang menjadi pula sebab untuk pengurniaanNya yang terdahulu (yakni ia sebenarnya sudah pun ditentukan sejak azali lagi, sebagaimana yang terkandung di dalam pengetahuanNya yang *qadīm*, sebelum segala makhluk dan kejadian menjadi terzahir di alam raya ini)?

(168)

Hukum (yakni ketentuan) azali itu adalah terlalu agung untuk dinisbahkan kepada sebarang sebab [yang bersifat baharu].

(169)

عِنَايَتُهُ فِيكَ لاَ لِشَيْءٍ مِنْكَ ، وَأَيْنَ كُنْتَ حِينَ وَاجَهَتْكَ عِنَايَتُهُ وَقَابَلَتْكَ رِعَايَتُهُ ؟ لَمْ يَكُنْ فِي أَزَلِهِ إِخْلاَصُ أَعْمَالٍ وَلاَ وُجُودُ أَحْوَالٍ ، بَلْ لَمْ يَكُنْ هُنَاكَ إِلاَّ مَحْضُ الْإِفْضَالِ وَعَظِيمُ النَّوَالِ .

PemerhatianNya kepada dirimu bukanlah kerana sesuatu [yang berasal] daripada dirimu.

Dimanakah engkau ketika pemerhatianNya berhadapan denganmu, dan ketika pemeliharaanNya berhadapan denganmu (yakni ketika Dia menentukan segala perkara pada azali lagi)?

Tiadalah (yakni belum lagi) berlaku pada azaliNya keikhlasan bagi segala amal, dan tiadalah wujud segala *ḥāl* (keadaan rohani), bahkan tiadalah di sana melainkan pemberianNya yang murni (yakni hanya pemberianNya jua semata-mata tanpa sebarang sebab yang berpunca daripada perbuatan atau amalan mana-mana makhluk) dan juga penganugerahanNya yang agung.

(170)

عَلِمَ أَنَّ الْعِبَادَ يَتَشَوَّفُونَ إِلَى ظُهُورِ سِرِّ الْعِنَايَةِ فَقَالَ ﴿يَخْتَصُّ بِرَحْمَتِهِ مَنْ يَشَاءُ﴾ وَعَلِمَ أَنَّهُ لَوْ خَلَّاهُمْ وَذَلِكَ لَتَرَكُوا الْعَمَلَ اعْتِمَادًا عَلَى الْأَزَلِ فَقَالَ ﴿إِنَّ رَحْمَةَ اللهِ قَرِيبٌ مِنَ الْمُحْسِنِينَ﴾.

Dia telah mengetahui bahawa segala hamba (yakni manusia) akan berhasrat kepada penzahiran rahsia bagi pemerhatian itu *(al-‘ināyah)*, maka Dia telah berfirman [Sūrah Al-Baqarah ayat 105 yang bermafhum], **“Dia mengkhaskan rahmatNya kepada sesiapa yang Dia kehendaki”**.

Dan Dia telah mengetahui bahawa jika Dia tinggalkan mereka pada perkara itu, mereka akan meninggalkan beramal kerana [ingin] bergantung [hanya] kepada [apa yang telah ditentukan pada] azali, maka Dia telah berfirman [Sūrah Al-A‘rāf ayat 56 yang bermafhum], **“Sesungguhanya rahmat Allāh itu adalah dekat kepada orang-orang yang melakukan kebaikan.”**

(171)

إِلَى الْمَشِيئَةِ يَسْتَنِدُ كُلُّ شَيْءٍ ، وَلَا تَسْتَنِدُ هِيَ إِلَى شَيْءٍ .

Kepada kehendakNya jua bersandar setiap sesuatu, dan tiadalah ia (yakni kehendakNya) bersandar kepada sesuatu.

(172)

رُبَّمَا دَلَّهُمُ الْأَدَبُ عَلَى تَرْكِ الطَّلَبِ ، اِعْتِمَادًا عَلَى قِسْمَتِهِ ، وَاشْتِغَالاً بِذِكْرِهِ عَنْ مَسْأَلَتِهِ .

Kadangkala, adab itu menunjuki mereka (yakni *al-‘ārifūn*) kepada meninggalkan daripada menuntut (yakni berdoa) kerana berserah diri kepada pembahagianNya, dan [kerana terlalu] sibuk di dalam mengingatiNya [sehingga ia menahan mereka] daripada meminta kepadaNya.

(173)

Sesungguhnya, yang diberikan peringatan itu ialah orang yang masih boleh berlaku kelalaian (atau keterlupaan) ke atas dirinya, dan sesungguhnya yang diberikan teguran itu ialah orang yang masih boleh berlaku kecuaian (atau pengabaian) ke atas dirinya.

(174)

Tibanya [hari-hari yang mengandungi saat-saat] keterdesakan adalah [seumpama tibanya] hari-hari raya bagi para murid.

(175)

Kadangkala, engkau akan memperolehi penambahan [rohani] di dalam [saat-saat] keterdesakan yang tiada dapat engkau perolehi di dalam berpuasa dan bersembahyang.

(176)

[Saat-saat] keterdesakan [adalah seumpama] hamparan-hamparan permaidani [yang mengandungi di atasnya hidangan] pengurniaan-pengurniaan rohani.

(177)

Jika engkau mahukan datangnya pengurniaan-pengurniaan rohani ke atas dirimu, sahkanlah rasa kefakiran (yakni merasakan sangat-sangat memerlukan kepada Allāh Tuhan Pengatur sekelian alam) dan rasa keterdesakan di sisimu.

“Sesungguhnya, sedekah-sedekah itu adalah untuk orang-orang yang fakir.” (Mafhum dari Sūrah at-Taubah ayat 60.)

(178)

Realisasikanlah sifat-sifat [kehambaan] dirimu, [nescaya] Dia akan membantumu dengan sifat-sifat [Tuhan Pengatur Sekelian Alam, Zat yang memiliki Kebesaran dan Kemuliaan) diriNya.

Realisasikanlah kerendahan dirimu (yakni kehinaan dirimu), [nescaya] Dia akan membantu dirimu dengan ketinggianNya (yakni kemuliaanNya).

Realisasikanlah kekurangan dirimu (yakni ketiadaupayaan pada dirimu), [nescaya] Dia akan membantu dirimu dengan kekuasaanNya.

Realisasikanlah kelemahan dirimu, [nescaya] Dia akan membantu dirimu dengan keupayaanNya dan kekuatanNya.

(179)

رُبَّمَا رُزِقَ الْكَرَامَةَ مَنْ لَمْ تَكْمُلْ لَهُ الْإِسْتِقَامَةُ .

Kadangkala, diberikan *al-karāmah* (kemuliaan yakni berlaku perkara-perkara yang mencarikkan adat) kepada seseorang yang belum lagi sempurna *al-istiqāmah* (konsistensi di dalam beribadat) pada dirinya.

(180)

[Sesetengah] daripada tanda-tanda Yang Maha Benar telah menetapkan bagimu pada sesuatu [urusan rohani] ialah Dia mengekalkan engkau di dalamnya, serta mencapai engkau buah-buah [hasil urusan rohani itu].

(181)

مَنْ عَبَّرَ مِنْ بِسَاطِ إِحْسَانِهِ أَصْمَتَتْهُ الْإِسَاءَةُ ، وَمَنْ عَبَّرَ مِنْ بِسَاطِ إِحْسَانِ اللهِ إِلَيْهِ لَمْ يَصْمُتْ إِذَا أَسَاءَ .

Sesiapa yang memberikan ibarat daripada hamparan (yakni berdasarkan) kebaikan dirinya, akan dijadikan senyap/kelu oleh kemaksiatan.

Dan sesiapa yang memberikan ibarat daripada hamparan (yakni berdasarkan) kebaikan Allāh ke atas dirinya pula, tiadalah akan menjadi senyap/kelu ketika dia bermaksiat.

(182)

Cahaya-cahaya rohani *al-ḥukamā’* (ahli-ahli hikmah yakni orang-orang yang *‘ārif billāh*) mendahului kata-kata mereka.

Maka apabila telah berlaku iluminasi (yakni cahaya-cahaya rohani itu telah bersinar terang), akan sampailah ibarat itu.

(183)

Setiap perkataan yang muncul keluar, ada selubung/pakaian kalbu baginya, dari mana ia telah muncul keluar.

(184)

Sesiapa yang telah diberikan keizinan [oleh Allāh Yang Maha Benar] untuk memberikan ibarat, ibaratnya itu akan dapat difahami oleh segala makhluk (yakni orang-orang lain) yang mendengarnya, dan isyaratnya pula akan menjadi jelas kepada mereka.

(185)

Kadangkala, *al-ḥaqā'iq* (hakikat-hakikat itu) akan ternampak gerhana (yakni suram) cahaya-cahayanya apabila tiada engkau diberikan izin [oleh Yang Maha Benar] untuk menyatakannya.

(186)

عِبَارَاتُهُمْ إِمَّا لِفَيَضَانِ وَجْدٍ أَوْ لِقَصْدِ هِدَايَةِ مُرِيدٍ ، فَالْأَوَّلُ حَالُ السَّالِكِينَ وَالثَّانِي حَالُ أَرْبَابِ الْمَكِنَةِ وَالْمُحَقِّقِينَ .

Kata-kata ibarat daripada mereka adalah sama ada kerana limpahan *wajd* (satu keadaan rohani yang datang secara meluap-luap dengan tiba-tiba dan adalah sesuatu yang tiada dapat dikawal) atau kerana bermaksud untuk memberi petunjuk kepada si murid.

Maka yang pertama adalah keadaan *as-sālikīn* (orang-orang yang masih berada di atas perjalanan rohani dan belum sampai ke maqam *al-wuṣūl* yakni ketibaan) dan yang kedua adalah keadaan mereka yang memiliki kedudukan *(al-makinah* atau *at-tamakkun* yakni telah mendapat pengukuhan rohani) dan [juga adalah keadaan golongan] *al-muḥaqqiqīn* (mereka yang telah mencapai realisasi kerohanian).

(187)

اَلْعِبَارَتُ قُوتٌ لِعَائِلَةِ الْمُسْتَمِعِينَ ، وَلَيْسَ لَكَ إِلاَّ مَا أَنْتَ لَهُ آكِلٌ .

Kata-kata ibarat itu adalah makanan [rohani] bagi keperluan para pendengar, dan tiadalah [sebarang manfaat kerohanian] bagimu melainkan apa yang engkau makan darinya.

(188)

Kadangkala, orang yang telah memberikan kata-kata ibarat mengenai sesebuah maqam itu ialah orang yang telah melihat (atau mengintai) ke atasnya sahaja (yakni dia baru mendekati maqam itu dan belum lagi benar-benar sampai dan merealisasikannya).

Dan kadangkala pula, orang yang telah memberikan kata-kata ibarat mengenainya itu ialah orang yang [benar-benar] telah sampai kepadanya.

Dan perkara ini adalah samar (atau kabur yakni tiada nyata) melainkan bagi orang yang memiliki *baṣīrah* (penglihatan mata hati).

(189)

لاَ يَنْبَغِي لِلسَّالِكِ أَنْ يُعَبِّرَ عَنْ وَارِدَاتِهِ ، فَإِنَّ ذَلِكَ يُقِلُّ عَمَلَهَا فِي قَلْبِهِ وَيَمْنَعُهُ وُجُودَ الصِّدْقِ مَعَ رَبِّهِ .

Tiada dapat tiada (yakni adalah dilarang) bagi *as-sālik* (si pengembara rohani yakni orang yang masih belum mencapai *al-wuṣūl* yakni maqam ketibaan) untuk memberikan kata-kata ibarat tentang *wāridāt*-nya (curahan-curahan rohani yang telah turun daripada Tuhan), kerana perkara itu akan mengurangkan aktivitinya (yakni pengaruh curahan-curahan rohani itu) ke atas kalbunya dan ia akan menegah wujudnya kejujuran bersama Tuhannya.

(190)

Janganlah engkau menghulurkan tanganmu untuk mengambil sesuatu daripada para makhluk, melainkan setelah engkau melihat bahawa Si Pemberi melalui mereka (yakni pada hakikatnya) adalah Penaungmu jua (yakni Allāh Taʻālā).

Maka apabila engkau sudah pun berkeadaan yang sedemikian, terimalah apa yang bermuafakatan (yakni yang bersesuaian) dengan ilmu (yakni pengetahuan zahir mengikut syarak yang engkau miliki).

(191)

Kadangkala, *al-‘ārif* merasa malu untuk mengangkatkan hajatnya (yakni meminta atau mengadu) kepada Penaungnya (yakni Allāh Ta‘ālā) kerana telah merasa cukup (yakni merasa puas hati atau rela) dengan kehendakNya.

Maka bagaimanakah pula dia tidak merasa malu untuk mengangkatkannya (yakni meminta atau mengadu) kepada para makhlukNya?

(192)

إِذَا الْتَبَسَ عَلَيْكَ أَمْرَانِ فَانْظُرْ أَثْـقَلَهُمَا عَلَى النَّفْسِ فَاتَّبِعْهُ ، فَإِنَّهُ لاَ يَثْقُلُ عَلَيْهَا إِلاَّ مَا كَانَ حَقًّا .

Apabila telah menjadi samar (yakni tiada jelas) kepadamu dua urusan, perhatikanlah mana yang lebih berat di antara keduanya ke atas nafsu, maka ikutilah ia, kerana tiadalah yang berat ke atasnya (yakni ke atas nafsumu) melainkan ia adalah [sesuatu yang] benar.

(193)

مِنْ عَلاَمَاتِ اتِّبَاعِ الْهَوَى الْمُسَارَعَةُ إِلَى نَوَافِلِ الْخَيْرَاتِ وَالتَّكَاسُلُ عَنِ الْقِيَامِ بِالْوَاجِبَاتِ .

[Sesetengah] daripada tanda-tanda [seseorang itu sedang] menuruti hawa [nafsunya] ialah dia akan bersegera di dalam menunaikan kebaikan-kebaikan yang sunat, tetapi dia akan merasa malas pula (yakni merasa sangat berat dan selalu melengah-lengahkan) di dalam menunaikan [perkara-perkara] yang wajib.

(194)

Dia (yakni Allāh) telah mengikat ketaatan-ketaatan itu dengan waktu-waktu yang tertentu agar tiada engkau ditahan daripada mengerjakannya kerana wujudnya sikap [dirimu yang gemar] melengah-lengahkan.

Dan Dia telah menjadikan luas waktu itu bagi dirimu agar masih dikekalkan untuk dirimu bahagian (yakni kesempatan) di dalam membuat pilihan.

(195)

عَلِمَ قِلَّةَ نُهُوضِ الْعِبَادِ إِلَى مُعَامَلَتِهِ فَأَوْجَبَ عَلَيْهِمْ وُجُودَ طَاعَتِهِ ، فَسَاقَهُمْ إِلَيْهِ بِسَلَاسِلِ الْإِيجَابِ " عَجِبَ رَبُّكَ مِنْ قَوْمٍ يُسَاقُونَ إِلَى الْجَنَّةِ بِالسَّلَاسِلِ " .

Dia (yakni Allāh) telah mengetahui bahawa para hambaNya memiliki semangat yang sedikit untuk beribadat, maka Dia telah mewajibkan ke atas mereka untuk melakukan ketaatan. Lalu mereka pun ditarik kepadaNya dengan beberapa rantai kewajiban. [Maka menjadi bertepatanlah keadaan ini dengan sabdaan Rasūlullāh *ṣallallāhu ‘alaihi wa ālihi wa sallam* yang bermafhum]: Tuhanmu telah merasa takjub/kagum dengan sebuah kaum yang telah ditarik ke syurga dengan beberapa rantai.

(196)

Dia (yakni Allāh) telah mewajibkan ke atasmu berkhidmat kepadaNya, dan [pada hakikatnya] tiadalah yang telah Dia wajibkan ke atasmu melainkan masuk ke dalam syurgaNya.

(197)

Sesiapa yang menyangka adalah terlalu asing (yakni menganggapnya sebagai mustahil) bahawa Allāh akan menyelamatkannya daripada syahwatnya, dan mengeluarkannya daripada kewujudan kelalaiannya, telah menganggap lemah Kekuatan Ketuhanan. [Mafhum dari Sūrah Al-Kahf ayat 45] **“Dan [sesungguhnya] Allāh adalah Maha Berkuasa di atas setiap sesuatu.”**

(198)

رُبَّمَا وَرَدَتِ الظُّلَمُ عَلَيْكَ لِيُعَرِّفَكَ قَدْرَ مَنَّ بِهِ عَلَيْكَ .

Kadangkala, kegelapan telah datang ke atas dirimu untuk Dia menjadikan engkau mengenali (yakni menghargai) kadar/nilai kurniaanNya [yang telah dikurniakan sebelum ini] ke atas dirimu.

(199)

مَنْ لَمْ يَعْرِفْ قَدْرَ النِّعَمِ بِوُجْدَانِهَا ، عَرَفَهَا بِوُجُودِ فُقْدَانِهَا .

Sesiapa yang tidak mengenali (yakni menghargai) kadar/nilai segala nikmat ketika ia masih wujud, akan mengenalinya (yakni dia hanya akan menghargainya) ketika ia sudah lenyap.

(200)

لاَ تُدْهِشْكَ وَارِدَاتُ النِّعَمِ عَنِ الْقِيَامِ بِحُقُوقِ شُكْرِكَ ، فَإِنَّ ذَلِكَ مِمَّا يَحُطُّ مِنْ وُجُودِ قَدْرِكَ .

Janganlah dibiarkan segala kedatangan nikmat-nikmat [yang banyak] itu menjadikan dirimu terkagum/terpegun (yakni merasa tersangat hairan) sehingga tiada dapat engkau mendirikan segala kewajipanmu [di dalam] mensyukurinya. Kerana sesungguhnya, ia adalah [sesetengah] daripada [beberapa perkara] yang menjatuhkan kadar/nilai (yakni kedudukan) dirimu.

(201)

تَمَكُّنُ حَلاَوَةِ الْهَوَى مِنَ الْقَلْبِ هُوَ الدَّآءُ الْعُضَالُ .

Kemanisan hawa [nafsu] yang telah menetap di kalbu, adalah penyakit yang amat sukar untuk dihilangkan.

(202)

لاَ يُخْرِجُ الشَّهْوَةَ مِنَ الْقَلْبِ إِلاَّ خَوْفٌ مُزْعِجٌ أَوْ شَوْقٌ مُقْلِقٌ .

Tiadalah yang [berkeupayaan untuk] mengeluarkan syahwat dari kalbu melainkan ketakutan yang menggetarkan (yakni yang menjadikannya tiada lagi merasa tenteram) atau kerinduan yang meresahkan (yakni yang menjadikannya merasa gelisah).

(203)

Sebagaimana Dia tiada mencintai amal yang mengandungi penyekutuan (yakni menyekutuiNya dengan sesuatu yang lain), maka begitulah juga Dia tiada mencintai kalbu yang mengandungi penyekutuan. Amal yang mengandungi penyekutuan itu tiadalah akan diterima olehNya, dan kalbu yang mengandungi penyekutuan itu pula, tiadalah Dia akan mendekatinya.

(204)

Terdapat beberapa cahaya yang telah diberikan izin baginya untuk sampai [ke kalbu yakni hanya tiba di luar kalbu dan tidak memasukinya] dan terdapat beberapa cahaya [yang lain pula] yang telah diberikan izin baginya untuk memasuki [ke dalam kalbu].

(205)

رُبَّمَا وَرَدَتْ عَلَيْكَ الْأَنْـوَارُ فَوَجَدَتِ الْقَلْبَ مَحْشُوًّا بِصُوَرِ الْآثَارِ ، فَارْتَحَلَتْ مِنْ حَيْثُ نَزَلَتْ .

Kadangkala, cahaya-cahaya [rohani] telah datang ke atasmu, namun ia telah mendapati bahawa kalbu itu telah dipenuhi dengan bentuk-bentuk (yakni segala rupa atau gambar-gambar) *al-āthār* (kesan-kesan, yakni segala makhluk ciptaan Allāh), maka ia pun pulang [ke tempat] dari mana ia telah turun.

(206)

Kosongkanlah kalbumu daripada *al-aghyār* (segala yang selain daripadaNya yakni daripada segala makhluk Allāh). Maka Dia akan mengisikannya dengan *al-ma‘ārif* (pengenalan-pengenalan rohani) dan *al-asrār* (rahsia-rahsia rohani).

(207)

Janganlah engkau menganggap lambat pemberian-pemberian daripadaNya, tetapi anggaplah (yakni engkau lihatlah sendiri pada) kelambatan dirimu di dalam mendekatiNya.

(208)

Hak-hak (yakni kewajipan-kewajipan seperti solat dan puasa) di dalam waktu-waktu [yang telah ditentukan] ada kemungkinan untuk menunaikannya [apabila terluput ia dari waktu-waktunya], tetapi hak-hak waktu-waktu [itu sendiri] tiadalah kemungkinan untuk menunaikannya (yakni tiadalah ia boleh diqada seperti qada sembahyang dan qada puasa).

Ini adalah kerana tiadalah mana-mana waktu yang datang melainkan Allāh memiliki di dalamnya hak yang baru dan perintah yang kukuh di atas dirimu.

Maka bagaimanakah dapat engkau menunaikan hak yang lain daripadanya sedangkan engkau masih lagi menunaikan hak Allāh di dalamnya?

(209)

Apa yang telah terluput daripada umurmu, tiadalah baginya sebarang ganti. Dan apa yang telah berhasil bagimu daripadanya, tiadalah baginya sebarang nilai (yakni tiadalah ternilai harganya kerana harganya adalah teramat tinggi sekali).

(210)

Tiadalah engkau mencintai sesuatu melainkan engkau akan menjadi hamba kepadanya. Dan tiadalah Dia pula (yakni Allāh Subḥānahu wa Ta‘ālā) mencintai (yakni menyukai) bahawa engkau menjadi hamba kepada yang lain daripada diriNya.

(211)

Tiadalah ketaatanmu akan memanfaatkanNya dan tiadalah pula kemaksiatanmu akan memudaratkanNya. Sesungguhnya, Dia telah memerintahkan kepadamu dengannya (yakni dengan segala suruhanNya) dan melarangmu daripadanya (yakni daripada segala tegahanNya) kerana ia (yakni kebaikan-kebaikan di dalam menuruti segala suruhanNya dan menjauhi segala tegahanNya) akan kembali kepada dirimu sendiri.

(212)

لاَ يَزِيدُ فِي عِزِّهِ إِقْبَالُ مَنْ أَقْبَلَ عَلَيْهِ ، وَلاَ يَنْقُصُ مِنْ عِزِّهِ إِدْبَارُ مَنْ أَدْبَرَ عَنْهُ .

Tiadalah penghadapan orang yang menghadap kepadaNya akan menambahkan kemuliaanNya, dan tiadalah pemalingan orang yang berpaling daripadaNya akan mengurangkan kemuliaanNya.

(213)

Sampainya engkau kepada Allāh adalah sampainya engkau kepada pengetahuan mengenaiNya.

Dan jikalau tiadalah yang demikian, Tuhan kita adalah Terlalu Agung (yakni adalah mustahil untuk dikatakan) bahawa berhubung kepadaNya sesuatu atau berhubung Dia kepada sesuatu.

(214)

Kedekatanmu denganNya ialah keadaan engkau menyaksikan kedekatanNya. Dan jikalau tiadalah yang demikian, dari manakah engkau dan kewujudan kedekatanNya (yakni dari segi manakah engkau boleh mengatakan bahawa engkau dekat denganNya)?

(215)

Ketika berlaku keadaan *at-tajallī* (manifestasi ketuhanan), hakikat-hakikat itu akan datang [kepada hatimu] secara ringkas (yakni secara singkat sahaja dan tiadalah ia terperinci).

Setelah ia terhimpun (yakni setelah ia disedari atau tertangkap ia di dalam hatimu), barulah akan berlaku penerangan [yang lebih terperinci] baginya. [Ia adalah seperti mafhum Sūrah al-Qiyāmah ayat 18-19], **"Maka apabila Kami membacanya, ikutilah bacaannya. Sesudah itu, di atas Kamilah penerangannya."**

(216)

مَتَى وَرَدَتِ الْوَارِدَاتُ الْإِلَهِيَّةُ إِلَيْكَ هَدَمَتِ الْعَوَائِدُ عَلَيْكَ . ﴿ إِنَّ الْمُلُوكَ إِذَا دَخَلُوا قَرْيَةً أَفْسَدُوهَا ﴾

Ketika datang kepadamu *al-wāridāt al-ilāhiyyah* (curahan-curahan rohani yang dibangsakan kepada ketuhanan), ia akan menghancurkan kebiasaan-kebiasaan dirimu. [Ia adalah sebuah perkara yang bersesuaian dengan mafhum Sūrah an-Naml ayat 34] **“Sesungguhnya raja-raja, apabila mereka memasuki sebuah *qaryah* (kampung atau negeri) akan merosakkannya.”**

(217)

Al-wārid datang daripada Kehadiran Keperkasaan. Maka kerana itu, tiadalah ia bertembung dengan sesuatu melainkan ia akan memusnahkannya. [Ia adalah seperti mafhum Sūrah al-Anbiyā' ayat 18] **"Bahkan Kami melontarkan yang hak ke atas yang batil, lalu ia memusnahkannya. Maka ia (yakni yang batil itu) pun lenyap."**

(218)

Bagaimanakah [boleh dikatakan bahawa] Yang Maha Benar (yakni Allāh) terhijab Dia dengan sesuatu, sedangkan yang terhijab Dia dengannya itu terzahir Dia padanya, dan [padanya juga Dia] maujud dan hadir [bersertanya] ?

(219)

Janganlah berputus asa daripada penerimaan sesuatu amal jika tiada terdapat di dalamnya *al-ḥuḍūr* (kehadiranNya di dalam kalbu), kerana kadangkala amal itu masih tetap diterima walaupun buahnya (yakni kesan rohaninya) tiadalah dapat dilihat dengan segera (yakni tiadalah engkau merasakannya pada waktu sekarang).

(220)

لاَ تُزَكِّيَنَّ وَارِدًا لاَ تَعْلَمُ ثَمَرَتَهُ ، فَلَيْسَ الْمُرَادُ مِنَ السَّحَابَةِ الْإِمْطَارَ ، وَإِنَّمَا الْمُرَادُ مِنْهَا وُجُودُ الْإِثْمَارِ .

Janganlah engkau menganggap suci [lalu berasa gembira pula dengan] sesuatu *wārid* yang tiada engkau ketahui buahnya, kerana tiadalah yang dikehendaki dari awan itu setakat hujan sahaja, tetapi yang dikehendaki darinya ialah adanya *al-ithmār* (keadaan di mana pohon-pohon sedang mengeluarkan buah-buah yang masak ranum beraneka jenis).

(221)

لاَ تَطْلُبَنَّ بَقَاءَ الْوَارِدَاتِ بَعْدَ أَنْ بَسَطَتْ أَنْـوَارَهَا وَأَوْدَعَتْ أَسرَارَهَا ، فَلَكَ فِي اللهِ غِنًى عَنْ كُلِّ شَيْءٍ ، وَلَيْسَ يُغْنِيكَ عَنْهُ شَيْءٌ.

Janganlah engkau menuntut kekekalan bagi *al-wāridāt* setelah cahaya-cahayanya meluas dan rahsia-rahsianya menjadi tersimpan (yakni setelah disedari atau tertangkap ia di dalam hatimu), kerana pada diri Allāh engkau memiliki kekayaan daripada setiap sesuatu, namun tiada sesuatu pun yang dapat mengkayakanmu daripada diriNya.

(222)

تَطَلُّعُكَ إِلَى بَقَاءِ غَيْرِهِ دَلِيلٌ عَلَى عَدَمِ وِجْدَانِكَ لَهُ ، وَاسْتِيحَاشُكَ لِفِقْدَانِ مَا سِوَاهُ دَلِيلٌ عَلَى عَدَمِ وُصْلَتِكَ بِهِ .

Keinginanmu kepada kekekalan sesuatu yang lain daripadaNya adalah bukti bagi ketiadaan rasa mendapatkanNya pada dirimu.

Dan rasa sedihmu kerana kehilangan sesuatu yang lain daripadaNya adalah bukti di atas ketiadaan sampaimu kepadaNya.

(223)

اَلنَّعِيمُ وَإِنْ تَنَوَّعَتْ مَظَاهِرُهُ إِنَّمَا هُوَ بِشُهُودِهِ وَاقْتِرَابِهِ ، وَالْعَذَابُ وَإِنْ تَنَوَّعَتْ مَظَاهِرُهُ إِنَّمَا هُوَ بِوُجُودِ حِجَابِهِ ، فَسَبَبُ الْعَذَابِ وُجُودُ الْحِجَابِ ، وَإِتْمَامُ النَّعِيمِ بِالنَّظَرِ إِلَى وَجْهِهِ الْكَرِيمِ .

Kenikmatan itu, dan jika beraneka jenis tempat penzahirannya sekalipun, sesungguhnya ia adalah di dalam menyaksikanNya dan [di dalam merasakan] dekat denganNya, dan kesiksaan itu pula, dan jika beraneka jenis tempat penzahirannya sekalipun, sesungguhnya ia adalah dengan kewujudan hijabNya (yakni pada keadaan diri kita yang masih lagi terhijab daripada dapat menyaksikanNya).

Maka sebab bagi kesiksaan itu adalah kewujudan hijab, dan penyempurnaan nikmat itu pula ialah dengan memandang kepada wajahNya Yang Maha Mulia.

(224)

Apa yang dijumpai oleh kalbu-kalbu daripada segala rasa risau dan segala rasa sedih itu, adalah kerana ia masih tertegah daripada pandangan itu (yakni ia masih dihijab daripada dapat memandang kepada wajahNya Yang Maha Mulia).

(225)

[Sesetengah] daripada kesempurnaan nikmat ke atasmu ialah Dia telah merezekikanmu apa yang mencukupi bagimu dan Dia telah menegah apa yang akan menyebabkanmu melampaui batas (yakni menderhakaiNya).

(226)

Jadikanlah sedikit kesukaanmu (atau kesayanganmu) pada sesuatu perkara, agar menjadi sedikitlah kesedihanmu di atasnya (yakni di atas kehilangannya).

(227)

إِنْ أَرَدْتَ أَنْ لاَ تُعْزَلَ فَلاَ تَتَوَلَّ وِلاَيَةً لاَ تَدُومُ لَكَ .

Jika engkau menginginkan bahawa tiada engkau disingkirkan (yakni dipecat), janganlah engkau menyandang sesuatu jawatan yang tiada kekal ia bagimu.

(228)

Jika permulaan-permulaannya menggemarkanmu (yakni menjadikan engkau merasa tertarik dan menginginkan *wilāyah* itu), kesudahan-kesudahannya pula akan menzuhudkanmu.

Jika sesuatu yang zahir memanggilmu kepadanya, sesuatu yang batin pula akan menghalangmu daripadanya.

(229)

إِنَّمَا جَعَلَهَا مَحَلاًّ لِلأَغْيَارِ وَمَعْدِنًا لِلأَكْدَارِ تَزْهِيدًا لَكَ فِيهَا .

Sesungguhnya, tiadalah Dia menjadikannya (yakni dunia ini) tempat bagi *al-aghyār* (yang selain daripada Allāh, yakni segala makhlukNya) dan galian bagi *al-akdār* (segala kekeruhan yakni kesukaran-kesukaran), melainkan agar engkau dapat mengamalkan kezuhudan di dalamnya.

(230)

Dia telah mengetahui bahawa sesungguhnya engkau tidak akan menerima cuma nasihat semata-mata, maka Dia telah membuatmu merasakan daripada segala rasanya (yakni segala rasa pahit di dunia ini), apa yang akan memudahkanmu untuk berpisah daripadanya (yakni berpisah daripada dunia ini).

(233)

Ilmu itu jika diiringi rasa takut [kepada Allāh Taʻālā], maka ia adalah untukmu (yakni ia adalah sesuatu yang akan menyokongmu atau memanfaatkanmu), dan jika tidak, maka ia adalah ke atasmu (yakni ia akan menentangmu atau membahayakanmu).

(234)

مَتَى آلَمَكَ عَدَمُ إِقْبَالِ النَّاسِ عَلَيْكَ أَوْ تَوَجُّهُهُمْ بِالذَّمِّ إِلَيْكَ ، فَارْجِعْ إِلَى عِلْمِ اللهِ فِيكَ ، فَإِنْ كَانَ لاَ يُقْنِعُكَ عِلْمُهُ ، فَمُصِيبَتُكَ بِعَدَمِ قَنَاعَتِكَ بِعِلْمِهِ أَشَدُّ مِنْ مُصِيبَتِكَ بِوُجُودِ الْأَذَى مِنْهُمْ .

Apabila engkau disakiti (yakni engkau berdukacita) dengan ketiadaan manusia menghadap (yakni datang) kepadamu, atau dengan menghadapnya mereka dengan cercaan (atau dengan cacian) kepadamu, maka kembalilah kepada ilmu Allāh padamu (yakni pada pengetahuanNya tentang keadaan dirimu).

Jika ilmuNya [tentang keadaan dirimu] tiada mencukupi bagimu (yakni tiada engkau merasa sudah berpuas hati dengan pengetahuanNya tentang keadaan dirimu), maka musibahmu di dalam tiada engkau merasa sudah mencukupi dengan ilmuNya itu, adalah lebih sangat (yakni adalah lebih teruk atau adalah lebih buruk) daripada musibahmu pada kesakitan (yakni rasa dukacita yang berpunca) daripada [perbuatan] mereka.

(235)

Dia (yakni Allāh) telah menjadikan kesakitan itu (yakni rasa dukacita) melalui tangan-tangan mereka agar tiada engkau merasa tenteram (yakni tiada engkau berjinak hati) terhadap mereka.

Dia (yakni Allāh) telah menghendaki bahawa engkau merasa terganggu (atau tiada engkau merasa tenteram) dengan setiap sesuatu, agar tiada sesuatu pun yang menyibukkanmu daripadaNya.

(236)

Apabila engkau mengetahui bahawa syaitan itu tiada akan lalai daripada dirimu, maka janganlah pula engkau lalai daripada Dia (yakni hendaklah engkau berlindung diri daripada segala kejahatan syaitan itu dengan engkau sentiasa ingat dan sentiasa berserah diri kepada Allāh) yang ubun-ubunmu adalah di dalam tanganNya (yakni ia berada di dalam kekuasaanNya).

(237)

جَعَلَهُ لَكَ عَدُوًّا لِيَحُوشَكَ بِهِ إِلَيْهِ ، وَحَرَّكَ عَلَيْكَ النَّفْسَ لِيَدُومَ إِقْبَالُكَ عَلَيْهِ .

Dia (yakni Allāh Ta‘ālā) telah menjadikannya (yakni syaitan) musuh bagimu agar melaluinya Dia menolakmu (atau menjadikan dirimu menghala) kepadaNya, dan Dia telah menggerakkan nafsu ke atasmu agar berkekalanlah pendekatanmu (atau menghadapnya engkau) kepadaNya.

(238)

Sesiapa yang mengisbatkan (menentukan atau menetapkan) dirinya adalah seorang yang bertawaduk (yakni seorang yang merendahkan diri), maka dia sebenarnya adalah seorang yang membesarkan diri, kerana tiadalah perendahan diri itu melainkan dari [sisi] peninggian diri (yakni tiadalah orang yang menganggap dirinya sudah merendahkan diri melainkan orang yang melihat dirinya adalah tinggi).

Maka apabila engkau mengisbatkan dirimu sudah bertawaduk, engkau [pada hakikatnya] adalah seorang yang membesarkan diri.

(239)

Bukanlah orang yang bertawaduk itu orang yang apabila dia merendahkan diri, melihat bahawa dia adalah di atas apa yang telah dilakukannya (yakni menyangka yang dia sudah memiliki martabat yang tinggi).

Tetapi, orang yang bertawaduk itu adalah orang yang apabila dia merendahkan diri, melihat bahawa dia [sebenarnya] adalah di bawah apa yang telah dilakukannya (yakni masih tiada layak untuk dikatakan sudah merendahkan diri kerana banyak kekurangannya).

(240)

Tawaduk (yakni perendahan diri) yang sebenar itu lahir (atau terjadi ia) daripada menyaksikan keagunganNya dan manifestasi sifatNya.

(241)

Tiadalah yang dapat mengeluarkanmu daripada sifat (yakni daripada sifatmu) melainkan penyaksian kepada sifat (yakni melalui engkau menyaksikan sifatNya).

(242)

Orang yang [benar-benar] beriman itu disibukkan oleh pemujian [kepada] Allāh daripada mensyukuri dirinya sendiri (yakni dia adalah terlalu sibuk di dalam memuji Allāh sehingga tiada lagi dia memandang kepada dirinya sendiri), dan dia disibukkan oleh hak-hak Allāh daripada mengingati nasibnya sendiri (yakni dia adalah terlalu sibuk dan bimbang di dalam menunaikan kewajipan-kewajipan kepada Allāh sehingga tiada lagi dia mengingati kepada kepentingan-kepentingan dirinya sendiri).

(243)

Si kekasih (yakni orang yang mendakwa bahawa dia adalah seorang yang mencintai) itu, bukanlah orang yang mengharap sesuatu imbalan (atau balasan) daripada yang dikasihinya (yakni orang yang dicintainya), atau menuntut daripadanya sesuatu tujuan [yang ingin dicapai].

Sesungguhnya, si kekasih itu (yakni orang yang mendakwa bahawa dia mencintaimu) adalah orang yang berbelanja (atau berkorban) untukmu, bukanlah si kekasih itu orang yang engkau berbelanja (atau berkorban) untuknya.

(244)

لَوْ لاَ مَيَادِينُ النُّفُوسِ مَا تَحَقَّقَ سَيْرُ السَّائِرِينَ ، إِذْ لاَ مَسَافَةَ بَيْنَكَ وَبَيْنَهُ حَتَّى تَطْوِيهَا رِحْلَتُكَ ، وَلاَ قُطْعَةَ بَيْنَكَ وَبَيْنَهُ حَتَّى تَمْحُوهَا وُصْلَتُكَ .

Jika tidaklah kerana medan-medan [pertempuran/peperangan dengan] segala nafsu, tiadalah akan direalisasikan perjalanan para pengembara rohani, kerana tiadalah jarak di antaramu denganNya yang mana perjalananmu itu akan melipatkannya, dan tiadalah tanah lapang (yakni kawasan pemisahan) di antaramu denganNya yang mana kesampaianmu itu akan menghapuskannya.

(245)

جَعَلَكَ فِي الْعَالَمِ الْمُتَوَسِّطِ بَيْنَ مُلْكِهِ وَمَلَكُوتِهِ لِيُعْلِمَكَ جَلاَلَةَ قَدْرِكَ بَيْنَ مَخْلُوقَاتِهِ ، وَأَنَّكَ جَوْهَرَةٌ تَنْطَوِي عَلَيْكَ أَصْدَافُ مُكَوَّنَاتِهِ .

Dia (yakni Allāh Subḥānahu Wa Ta‘ālā) telah meletakkan dirimu di alam pertengahan, di antara alam mulkiNya (yakni alam nyata, yang dapat disaksikan oleh mata di kepala kita) dan alam malakutNya (yakni alam ghaib, yang tidak dapat disaksikan oleh mata di kepala kita), untuk memberitahu kepadamu tentang kebesaran kadarmu (yakni tentang ketinggian darjatmu) di antara segala makhlukNya, dan juga bahawa sesungguhnya, engkau adalah sebuah permata, [yang mana] tersembunyi/terkandung di dalam dirimu mutiara-mutiara segala ciptaanNya.

(246)

Sesungguhnya, *al-kaun* (kosmos, yakni alam semesta) hanya dapat meliputimu dari segi jasmanimu sahaja, dan tiadalah ia dapat meliputimu dari segi *thubūt* (penetapan-penetapan) kerohanianmu (yakni hakikat kalbu insan itu sebenarnya adalah lebih luas daripada alam semesta dan adalah ia meliputi isi seluruh alam semesta).

(247)

Orang yang berada di dalam *al-kaun* (kosmos, yakni alam semesta) dan masih tiada terbuka kepadanya medan-medan [dari alam] ghaib, [keadaannya] adalah terpenjara oleh segala yang meliputinya (yakni oleh segala persekitarannya) dan dia adalah terkurung di dalam kerangka zatnya (yakni tubuh badannya).

(248)

Engkau [masih lagi] bersama segala alam semesta selagi engkau tiada menyaksikan Si Pencipta Segala Alam Semesta.

Apabila engkau sudah menyaksikanNya, segala alam semesta adalah bersamamu (yakni engkau akan menyaksikan juga bahawa sebenarnya salinan segala alam semesta berada di dalam dirimu).

(249)

لاَ يَلْزَمُ مِنْ ثُبُوتِ الْخُصُوصِيَّةِ عَدَمُ وَصْفِ الْبَشَرِيَّةِ ، إِنَّمَا مَثَلُ الْخُصُوصِيَّةِ كَإِشْرَاقِ شَمْسِ النَّهَارِ ، ظَهَرَتْ فِي الْأُفُقِ وَلَيْسَتْ مِنْهُ ، تَارَةً تَشْرِقُ شُمُوسُ أَوْصَافِهِ عَلَى لَيْلِ وُجُودِكَ ، وَتَارَةً يَقْبِضُ ذَلِكَ عَنْكَ فَيَرُدَّكَ إِلَى حُدُودِكَ ، فَالنَّهَارُ لَيْسَ مِنْكَ وَإِلَيْكَ ، وَلَكِنَّهُ وَارِدٌ عَلَيْكَ .

Tiadalah penetapan bagi *al-khuṣūṣiyyah* (kekhususan, yakni seseorang itu dimasukkan ke dalam golongan orang-orang yang khas, yakni orang-orang yang dikurniakan kewalian) memestikan bahawa sifat kemanusiaan sudah tiada lagi wujud.

Sesungguhnya, *al-khuṣūṣiyyah* adalah seumpama pancaran matahari di siang hari. Ia menjadi nyata di ufuk (yakni di tepi langit), namun bukanlah ia darinya (yakni bukanlah sinaran itu sebenarnya berasal dari ufuk, tetapi ufuk hanyalah tempat di mana sinaran yang berasal dari matahari itu telah menjadi terzahir).

Kadangkala, matahari-matahari segala sifatNya akan memancar ke atas malam (yakni kegelapan) kewujudanmu, dan kadangkala Dia akan menggenggam (yakni mengambil semula) yang demikian itu daripadamu dan mengembalikanmu ke batas-batas [asal kejadian] dirimu.

Maka siang hari itu bukanlah ia [sesuatu yang datang] daripadamu dan [kembali] kepadamu, tetapi ia adalah [sesuatu] yang datang ke atasmu [daripadaNya dan kembali kepadaNya].

(250)

دَلَّ بِوُجُودِ آثَـارِهِ عَلَى وُجُودِ أَسْمَائِهِ ، وبِوُجُودِ أَسْمَائِهِ عَلَى ثُبُوتِ أَوْصَافِهِ ، وَبِثُبُوتِ أَوْصَافِهِ عَلَى وُجُودِ ذَاتِهِ ، إِذْ مُحَالٌ أَنْ يَقُومَ الْوَصْفُ بِنَفْسِهِ .

فَأَرْبَابُ الْجَذْبِ يُكْشَفُ لَهُمْ عَنْ كَمَالِ ذَاتِهِ ، ثُمَّ يَرُدُّهُمْ إِلَى شُهُودِ صِفَاتِهِ ، ثُمَّ يَرْجِعُهُمْ إِلَى التَّعَلُّقِ بِأَسْمَائِهِ ، ثُمَّ يَرُدُّهُمْ إِلَى شُهُودِ آثَارِهِ .

وَالسَّالِكُونَ عَلَى عَكْسِ هَذَا ، فَنِهَايَةُ السَّالِكِينَ بِدَايَةُ الْمَجْذُوبِينَ ، وَبِدَايَةُ السَّالِكِينَ نِهَايَةُ الْمَجْذُوبِينَ . لَكِنْ لاَ بِمَعْنَى وَاحِدٍ ، فَرُبَّمَا الْتَقَيَا فِي الطَّرِيقِ ، هَذَا فِي تَرَقِّيهِ وَهَذَا فِي تَدَلِّيهِ .

Melalui kewujudan *āthār*-Nya (kesan-kesanNya, yakni alam semesta ciptaan Allāh), Dia menunjukkan kepada kewujudan nama-namaNya, dan melalui kewujudan nama-namaNya [pula Dia menunjukkan] kepada penetapan sifat-sifatNya, dan melalui penetapan sifat-sifatNya [pula Dia menunjukkan] kepada zatNya, kerana adalah mustahil bagi sesuatu sifat untuk berdiri dengan dirinya [sendiri tanpa sebarang zat].

Maka disingkapkan kepada para pemilik *al-jazb* (yakni orang-orang yang menerima tarikan rohani daripadaNya) kesempurnaan zatNya. Kemudian, dikembalikan mereka kepada penyaksian sifat-sifatNya. Kemudian, dipulangkan mereka kepada persandaran kepada nama-namaNya. Kemudian, dikembalikan mereka kepada menyaksikan *āthār*-Nya (kesan-kesanNya, yakni alam semesta ciptaan Allāh).

Dan *as-sālikūn* (orang-orang yang melakukan pengembaraan rohani dengan melakukan pendakian tahap demi tahap di bawah bimbingan seorang syaikh *murabbī*), adalah berlawanan dengan perkara ini (yakni keadaan golongan *as-sālikīn* adalah berlawanan

dengan keadaan golongan *al-majdhūbīn* yakni orang-orang yang menerima tarikan rohani daripadaNya, yang mana perjalanan mereka adalah sangat deras kerana dengan satu tarikan rohani golongan *al-majdhūbīn* sudah sampai ke tahap tertinggi, tanpa terlebih dahulu melalui tahap-tahap yang di bawah satu persatu seperti yang perlu dilakukan oleh golongan *as-sālikīn*).

Maka [tahap] penamat bagi *as-sālikīn* adalah [tahap] permulaan bagi *al-majdhūbīn* dan [tahap] permulaan bagi *as-sālikīn* adalah [tahap] penamat bagi *al-majdhūbīn*.

Tetapi bukanlah dengan satu makna sahaja. Mungkin dua golongan ini akan bertemu (atau berselisih) di atas jalan rohani [masing-masing], yang satu ini pada pendakiannya dan yang satu lagi pada penurunannya.

(251)

لاَ يُعْلَمُ قَدْرُ أَنْـوَارِ الْقُلُوبِ وَالْأَسْرَارِ إِلاَّ فِي غَيْبِ الْمَلَكُوتِ ، كَمَا لاَ تَظْهَرُ أَنْـوَارُ السَّمَاءِ إِلاَّ فِي شَهَادَةِ الْمُلْكِ .

Tiadalah dapat diketahui akan kadar cahaya-cahaya kalbu dan rahsia-rahsia melainkan di keghaiban alam malakut (yakni alam ghaib, yang tidak dapat disaksikan oleh mata di kepala kita), sebagaimana tiadalah akan terzahir cahaya-cahaya langit melainkan pada penyaksian di alam mulki (yakni alam nyata, yang dapat disaksikan oleh mata di kepala kita).

(252)

Dapatnya bertemu dengan buah-buah ketaatan pada masa sekarang (yakni dapat merasakan kemanisan dan kelazatan di dalam melakukan ibadat di dunia ini lagi), adalah sebagai khabar gembira bagi orang-orang yang beramal tentang wujudnya ganjaran di atasnya pada masa hadapan (yakni di akhirat nanti).

(253)

Bagaimanakah dapat engkau menuntut upah (atau imbalan) bagi sesuatu amal yang Dia sendiri telah mensedekahkannya ke atasmu?

Atau bagaimanakah dapat engkau menuntut ganjaran bagi sesuatu kejujuran yang Dia sendiri telah menghadiahkannya kepadamu?

(254)

قَوْمٌ تَسْبِقُ أَنْـوَارُهُمْ أَذْكَارَهُمْ ، وَقَوْمٌ تَسْبِقُ أَذْكَارُهُمْ أَنْــوَارَهُمْ ، وَقَوْمٌ تَسْتَاوَى أَذْكَارُهُمْ وَأَنْــوَارُهُمْ ، وَقَوْمٌ لاَ أَنْـوَارَ وَلاَ أَذْكَارَ ، نَعُوذُ بِاللهِ مِنْ ذَلِكَ .

Ada satu kaum, cahaya-cahaya mereka mendahului zikir-zikir mereka.

Dan ada satu kaum, zikir-zikir mereka mendahului cahaya-cahaya mereka.

Dan ada satu kaum, zikir-zikir mereka adalah bersamaan (yakni berlaku serentak) dengan cahaya-cahaya mereka.

Dan ada satu kaum, tiada [bagi mereka] cahaya dan tiada [juga bagi mereka] zikir. Kita berlindung dengan Allāh daripada yang demikian.

(255)

Ada *dhākir* (orang yang berzikir) yang berzikir agar kalbunya mendapat cahaya. Maka di atas keadaan inilah dia melakukan zikir (yakni zikirnya adalah untuk mendapatkan cahaya).

Ada *dhākir* (orang yang berzikir) yang kalbunya sudah pun bercahaya. Maka di atas keadaan inilah dia melakukan zikir (yakni zikirnya itu adalah berdasarkan kesan cahaya di kalbunya).

Dan ada pun orang yang zikir-zikirnya dan cahaya-cahayanya adalah bersamaan (yakni berlaku serentak), maka dengan zikirnya, dia menerima petunjuk, dan dengan cahayanya, dia menerima pimpinan [yang diturutinya].

(256)

Tiadalah zahir zikir melainkan dari batin penyaksian dan renungan (yakni tiadalah akan berlaku sesuatu zikir pada zahirnya melainkan ia telah terbit dari apa yang telah disaksikan dan yang telah direnungkan oleh si penzikir pada batinnya).

(257)

أَشْهَدَكَ مِنْ قَبْلِ أَنْ يَسْتَشْهِدَكَ فَنَطَقَتْ بِـإِلَهِيَّتِهِ الظَّوَاهِرُ ، وَتَحَقَّقَتْ بِـأَحَدِيَّتِهِ الْقُلُوبُ وَالسَّرَائِرُ .

Dia telah menjadikan engkau menyaksikan sebelum Dia memerintahkan engkau untuk bernaik saksi.

Maka segala yang zahir pun menyebut (yakni melafazkan kata-kata sebagai pengiktirafan atau berikrar) tentang ketuhananNya, sedangkan kalbu-kalbu serta rahsia-rahsia pula merealisasikan (atau mentahkikkan) keesaanNya.

(258)

أَكْرَمَكَ بِكَرَامَاتٍ ثَلاَثٍ : جَعَلَكَ ذَاكِرًا لَهُ وَلَوْلاَ فَضْلُهُ لَمْ تَكُنْ أَهْلاً لِجَرَيَانِ ذِكْرِهِ عَلَيْكَ ، وَجَعَلَكَ مَذْكُورًا بِهِ إِذْ حَقَّقَ نِسْبَتَهُ لَدَيْكَ ، وَجَعَلَكَ مَذْكُورًا عِنْدَهُ فَتَمَّمَ نِعْمَتَهُ عَلَيْكَ .

Dia telah memuliakanmu dengan tiga *karāmāt* (kemuliaan):

Dia telah menjadikanmu seorang yang berzikir kepadaNya, dan jika tidaklah kerana pemberian anugerahNya, tiadalah engkau akan menjadi layak untuk menerima pengaliran zikirNya ke atasmu.

Dan Dia telah menjadikanmu seorang yang dingati denganNya, kerana Dia telah mentahkikkan nisbahNya kepadamu.

Dan Dia telah menjadikanmu seorang yang diingati [oleh para malaikat yang tertinggi] di sisiNya, maka dengan itu lengkaplah nikmatNya ke atasmu.

(259)

Ada kala [seseorang itu diberikan] umur yang panjang jangka masanya, tetapi sedikit sahaja hasil buahnya (yakni faedah atau manfaat rohaninya). Ada kala [seseorang itu diberikan] umur yang pendek jangka masanya, tetapi banyak sekali hasil buahnya (yakni faedah atau manfaat rohaninya).

(260)

مَنْ بُورِكَ لَهُ فِي عُمُرِهِ أَدْرَكَ فِي يَسِيرٍ مِنَ الزَّمَنِ مِنْ مِنَنِ اللهِ تَعَالَى مَا لاَ يَدْخُلُ تَحْتَ دَوَائِرِ الْعِبَارَةِ ، ولاَ تَلْحَقُهُ الْإِشَارَةَ .

Sesiapa yang diberkati pada umurnya, akan mencapai [satu pencapaian rohani] di dalam masa yang singkat/sedikit [setelah dia menerima] dari kurniaan-kurniaan Allāh Taʻālā, apa yang tiada dapat dimasukkan ke bawah bulatan-bulatan ibarat atau [yang dapat] dihubungkan/disambungkan oleh sebarang isyarat.

(261)

Kekecewaan setiap kekecewaan ialah apabila engkau sudah pun terkosong daripada *asy-syawāghil* (segala kesibukan/pekerjaan) kemudian tiada engkau menghadap kepadaNya, dan sudah menjadi sedikit rintangan-rintanganmu kemudian tiada engkau berpindah kepadaNya.

(262)

Al-fikrah (tafakur yakni refleksi atau kontemplasi) adalah pengembaraan kalbu pada medan-medan *al-aghyār* (yang selain daripada Allāh).

(263)

اَلْفِكْرَةُ سِرَاجُ الْقَلْبِ ، فَإِذَا ذَهَبَتْ فَلاَ إِضَاءَةَ لَهُ .

Al-fikrah (tafakur yakni refleksi atau kontemplasi) adalah pelita kalbu. Maka apabila ia pergi, tiadalah baginya penerangan (yakni apabila pergilah pelita *al-fikrah*, tiadalah kalbu akan diterangi oleh sinaran cahaya pelita *al-fikrah* lagi).

(264)

Ada dua jenis bagi *al-fikrah* (tafakur yakni refleksi atau kontemplasi): (1) kontemplasi di dalam pembenaran dan keimanan (2) kontemplasi di dalam penyaksian dan penglihatan.

Yang pertama adalah untuk golongan mereka yang mengambil iktibar, dan yang kedua adalah untuk golongan para pemilik *asy-syuhūd* (penyaksian batin) dan *al-istibṣār* (penglihatan batin).

Selesai teks asal dari kitab Al-Ḥikam Al-‘Aṭā’iyyah